



FARDU AIN: FIQH SOLAT

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Menerangkan Konsep Solat bagi seorang Muslim:** Peserta kursus akan diperkenalkan dengan kedudukan solat sebagai tiang agama dan kewajipan utama seorang Muslim serta menyedari hikmah, kelebihan dan kepentingan solat dalam kehidupan harian.
- b) **Pemahaman Mengenai Perkara Wajib, Syarat dan Batal Solat:** Memperoleh pengetahuan tentang perbezaan syarat-syarat wajib solat dan syarat sah solat dengan jelas serta membantu menilai dan memperbaiki amalan solat supaya terhindar daripada perkara yang membatalkan solat.
- c) **Mendalami azan dan iqamah:** Memahami hukum, hikmah dan fungsi azan serta iqamah dalam syariat serta mengamalkan perkara-perkara sunat berkaitan azan dan iqamah.
- d) **Menerokai Rukun Solat:** Pendedahan secara terperinci berkenaan setiap perkara dalam rukun-rukun solat secara terperinci mengikut panduan al-Quran dan Sunnah serta pembahagiannya, iaitu fi'li (perbuatan), qauli (percakapan) dan qalbi (hati).
- e) **Menjelaskan Perkara Sunat dan Makruh Ketika Solat:** Membezakan perkara-perkara sunat ab'ad dan sunat hai'at dan implikasinya di dalam solat, serta mengenal pasti perkara-perkara makruh yang boleh mengurangkan kesempurnaan solat.

SESI PERTAMA

SOLAT SEBAGAI TIANG AGAMA & CERMINAN IMAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami pengertian solat serta peranannya sebagai tunjang kehidupan seorang Muslim, menerangkan pensyariatan solat berdasarkan al-Quran dan hadis, mengetahui balasan dan kesan meninggalkan solat, mengenal pasti waktu-waktu makruh solat serta perbezaannya dengan larangan yang mutlak, dan memahami konsep ulang (i'adah) dan qada' solat sekali gus mampu mengamalkan pengetahuan ini dalam ibadah harian dengan lebih sah dan tertib.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pengertian dan Peranan Solat
- Pensyariatan Solat
- Balasan Meninggalkan Solat
- Waktu Makruh Solat
- Ulang dan Qada' Solat

SESI PERTAMA: ASAS PENILAIAN SOLAT: WAJIB, SAH & BATAL

PENDAHULUAN

Bagi memulakan sesi kita pada hari ini, marilah sama-sama kita renungi petikan hadis ini sebagai refleksi dan pedoman agar hadis ini dapat meniup semangat ke dalam diri kita untuk menerokai ilmu berkaitan Fiqh Solat.

Daripada Muadz bin Jabal r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ

Maksudnya: *“Tunjang segala urusan adalah Islam dan tiangnya adalah solat.”*

(Riwayat al-Tirmidzi dalam *Sunan*-nya [no. 2616] dengan sanad yang hasan [baik])

PENGERTIAN DAN PERANAN SOLAT

Dalam surah al-Mu'minin ayat 1-2 dan ayat 9, disebutkan beberapa ciri-ciri orang beriman yang berjaya. Siapakah golongan ini?

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝ ١ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ۝ ٢

Maksudnya: *“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman (1) iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya (2).”*

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۝ ٩

Maksudnya: *“Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya.”*

Daripada beberapa golongan yang disebutkan di dalam surah ini, terdapat dua golongan yang berkaitan dengan ibadah solat, iaitu orang yang khusyuk di dalam sembahyang dan memelihara solatnya.

Perkataan solat berasal daripada perkataan bahasa Arab. Dari sudut **bahasa**, solat bermaksud doa, iaitu makna berdoa untuk kebaikan. Firman Allah SWT:

وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ

Maksudnya: *“Dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka.”*

(Surah at-Taubah 9: 103)

Dari segi **istilah**, solat adalah satu kalimah yang digunakan dengan bermaksud perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam. Ia dinamakan sebagai solat kerana mengandungi pengertian kalimah tersebut dan doa merupakan sebahagian besar perkara yang terdapat dalam sembahyang. Oleh itu, kalimah yang menunjukkan sebahagian kandungannya digunakan untuk menggambarkan perkara yang menyeluruh.

Solat adalah peluang istimewa bagi kita untuk berinteraksi secara langsung dengan Allah, iaitu Tuhan yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Dalam kesibukan urusan dunia, solat menjadi ruang tenang yang mengembalikan hati kepada Pencipta. Setiap takbir, bacaan dan sujud adalah bentuk komunikasi yang penuh makna dan menjadi tempat kita memohon, mengadu, bersyukur dan menyerahkan segala urusan kepada-Nya. Solat bukan sekadar pergerakan fizikal tetapi pertemuan rohani yang menguatkan jiwa, menambah ketenangan serta memperbaharui hubungan hamba dengan Tuhan.

PENSYARIATAN SOLAT

Kewajipan untuk mengerjakan lima waktu solat fardu ke atas umat Islam setelah berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj. Pensyariatan ini telah dirakamkan di dalam riwayat yang panjang serta masyhur berkenaan peristiwa agung ini yang pada akhirnya diwajibkan ke atas umat Islam sebanyak lima waktu sebagaimana dalam yang diriwayatkan oleh Sayidina Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَقَالَ: هِيَ خَمْسٌ، وَهِيَ خَمْسُونَ، لَا يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ

Maksudnya: *“Allah SWT berfirman: Lima waktu dan ia sebenarnya menyamai 50 waktu solat. Keputusan ini tidak berubah di sisi-Ku.”*

(Sunan Ibnu Majah [1399])

Rasulullah SAW bersabda bahawa pada mulanya Allah mewajibkan 50 kali solat sehari kepada umat Baginda. Ketika Baginda kembali, Nabi Musa menasihatkan agar Baginda memohon semula agar dikurangkan kerana umatnya tidak akan mampu melaksanakannya. Baginda pun berulang-alik beberapa kali antara Allah dan Nabi Musa hingga akhirnya Allah menetapkan 5 waktu solat, namun pahala tetap menyamai 50 waktu solat.

Berdasarkan riwayat di atas, dapat difahami bahawa solat fardu yang wajib didirikan oleh umat Islam ialah sebanyak lima waktu. Imam Badr al-Din al-‘Aini turut menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan untuk mengerjakan solat fardu sebanyak 50 waktu namun atas sifat rahmat-Nya umat Islam diwajibkan untuk mengerjakan sebanyak lima waktu.

Diriwayatkan bahawa Sayidina Ali bin Abi Talib r.a., apabila tiba waktu solat, tubuhnya akan menggigil dan wajahnya menjadi pucat. Para sahabat bertanya kepadanya, “Wahai Ali, mengapa engkau menjadi begini setiap kali ingin mendirikan solat?” Maka jawab beliau, “Tahukah kamu, sesungguhnya sebentar lagi aku akan menghadap Allah dan menunaikan satu amanah yang amat berat.” Lalu, beliau membacakan sepotong ayat al-Quran, iaitu surah al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya.”

Demikianlah perasaan Sayidina Ali, seorang yang sangat dekat dengan Rasulullah SAW dan terkenal dengan ketakwaannya. Jika beliau begitu gentar ketika mahu menunaikan solat, bagaimana pula dengan kita yang jauh lebih banyak kekurangan? Sewajarnya kita lebih merendah diri, lebih khusyuk dan lebih mengharap agar solat kita diterima Allah SWT sebagai satu amanah yang telah ditunaikan sebaiknya.

BALASAN MENINGGALKAN SOLAT

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ، فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ، وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

Maksudnya: “Sesungguhnya amalan pertama yang akan dihisab bagi seorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya. Jika solatnya sempurna, maka dia telah berjaya dan selamat; tetapi jika solatnya cacat (rosak), maka dia telah gagal dan rugi.”

(Riwayat at-Tarmizi [413])

مَا سَأَلَكُمْ فِي سَقَرَ (٤٢) قَالُوا لَمْ نَك مِنَ الْمُصَلِّينَ (٤٣)

Maksudnya: (Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): “Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar? Orang-orang yang bersalah itu menjawab: ‘Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang.’”

(Surah al-Muddaththir 74: 42 & 43)

Ulama telah bersepakat bahawa orang yang meninggalkan solat kerana ingkar akan kewajipannya adalah **kafir lagi murtad**, justeru hendaklah dia bertaubat. Ulama Syafi'i dan Hanbali mengecualikan bagi orang yang mengingkarinya kerana jahil disebabkan baru memeluk agama Islam atau seumpamanya. Dia juga tidak dihukum sebagai murtad, sebaliknya hendaklah dia diberitahu tentang kewajipan tersebut. Sekiranya dia kembali mengingkarinya selepas itu, dia akan dihukum sebagai murtad.

Bagi orang yang meninggalkan solat kerana malas, ulama fiqah berbeza pendapat tentangnya tetapi tidak mengingkari kewajipannya. Ulama Syafi'i dan Maliki berpendapat bahawa jika dia tidak bertaubat, hendaklah dihukum bunuh. Mayatnya dimandikan, disolatkan dan dikebumikan sebagai seorang Islam di perkuburan orang Islam. Hal ini berdasarkan hadis daripada Ibn 'Umar r.huma. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ؛ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia hingga mereka bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang hak melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah

utusan Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat. Apabila mereka telah melakukan hal itu, maka darah dan harta mereka akan dilindungi kecuali dengan hak Islam dan perhitungan sebenar mereka diserahkan kepada Allah SWT.”

(Riwayat al-Bukhari [25] dan Muslim [22])

Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah ayat ke 5:

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَآتُوا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ

Maksudnya: “Kemudian jika mereka bertaubat (daripada kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu).”

Tidak beruntung dalam Islam bagi orang yang meninggalkan solat. Sama juga hukumnya bagi orang yang meninggalkan atau menidakkan satu rukun atau syarat yang telah diijmakan atau mendapat persepakatan seluruh ulama tentang hukum sesuatu perkara dalam Islam seperti taharah (bersuci), rukuk atau sujud. Sebagai Muslim, kita wajib untuk memikul taklif atau tanggungjawab untuk mendirikan solat yang difardukan kepada umat Nabi Muhammad SAW sebanyak lima kali sehari.

LALAI DALAM SOLAT

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ (٤) الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ (٥)

Maksudnya: “(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang. (4) (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya.”

(Surah al-Ma'un, ayat 4-5)

Imam al-Zahabi menukilkan di dalam kitab *al-Kabair* (hlm. 30-36) bahawa solat diumpamakan seperti pertalian hamba dengan Tuhannya, iaitu orang yang memutuskan

pertalian itu dikira berdosa besar, apatah lagi jika dia mengingkari kewajipannya atau memperkecil-kecilkan orang yang mengikat pertalian itu sehingga boleh dianggap kafir, jika tidak perlu bertaubat dan kembali kepada Tuhan-Nya.

Orang yang mengakhirkan waktu solat daripada waktunya yang asal sehingga sampai kepada waktu solat yang lain, mereka ini tetap dinamakan orang-orang yang menunaikan solat iaitu sebagai *musalliin*. Akan tetapi kerana mereka telah mensia-siakan dan mengakhirkan waktu solat tersebut, maka mereka diancam dengan neraka *Wail*, iaitu seksaan yang teramat pedih di dalamnya. Ada juga yang mengatakan *Wail* itu adalah sebuah lembah di dalam neraka Jahannam, yang sekiranya gunung-gunung di dunia ini dicampakkan ke dalamnya, maka gunung-gunung itu akan menjadi cair akibat kepanasannya yang teramat. Maka, itulah tempat bagi mereka yang mensia-siakan solatnya dan mengakhirkan solatnya sehingga keluar dari waktunya kecuali jika dia telah bertaubat kepada Allah SWT dan menyesal akan kesalahannya itu.

WAKTU MAKRUH SOLAT

Dimakruhkan sembahyang pada 3 waktu dengan makruh tahrim, iaitu makruh yang hampir ke tahap haram. Makruh tahrim ialah perbuatan yang dilarang oleh syariat secara tegas tetapi dalil yang menjadi asas larangannya bersifat zanni. Oleh itu, makruh tahrim dianggap mendekati hukum haram, bahkan ada ulama yang menyifatkannya sebagai bentuk “haram yang lebih ringan”. Dengan kata lain, perbuatan yang dihukumkan makruh tahrim berada antara makruh biasa dan haram, namun tetap cenderung kepada haram. Waktu makruh tahrim adalah seperti berikut:

1. Selepas subuh sehingga matahari naik, iaitu selepas selesai waktu subuh sehinggalah matahari naik kira-kira setinggi tombak (sekitar 10-15 minit selepas syuruk).
2. Ketika matahari tegak di atas kepala, iaitu waktu matahari berada di titik tertinggi di langit, iaitu sebelum zuhur bermula.

3. Selepas asar hingga matahari terbenam, mulai selepas selesai solat fardu asar sehingga matahari terbenam sepenuhnya.

Dalilnya ialah sebagaimana dalam hadis riwayat Muslim, daripada Uqbah bin Amir r.a. katanya:

قَالَ سَمِعْتُ عُقْبَةَ بْنَ عَامِرٍ الْجُهَنِيَّ، يَقُولُ ثَلَاثُ سَاعَاتٍ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْهَانَا أَنْ نُصَلِّيَ فِيهِنَّ أَوْ أَنْ نَقْبَرَ فِيهِنَّ مَوْتَانَا حِينَ تَطْلُعُ الشَّمْسُ بَارِغَةً حَتَّى تَرْتَفِعَ وَحِينَ يَقُومُ قَائِمُ الظَّهِيرَةِ حَتَّى تَمِيلَ الشَّمْسُ وَحِينَ تَضَيِّفُ الشَّمْسُ لِلْغُرُوبِ حَتَّى تَغْرُبَ.

Maksudnya: Uqbah bin 'Amir berkata, "Terdapat tiga waktu Rasulullah ﷺ melarang kami untuk menunaikan solat atau mengebumikan jenazah, iaitu ketika matahari mula terbit hingga ia naik sepenuhnya, ketika matahari berada tepat di tengah langit (tengah hari) hingga ia mula condong ke barat, dan ketika matahari hampir terbenam hingga ia benar-benar terbenam."

(Sahih Muslim [831])

Manakala bagi mazhab Syafi'i, terdapat dua waktu **makruh tanzih** pada waktu solat, iaitu waktu yang tidak digalakkan untuk melakukan solat sunat namun larangan ini bersifat ringan. Perbuatan solat pada waktu tersebut sebaiknya dielakkan tetapi jika seseorang tetap melakukannya, ia tidak dianggap berdosa dan tidak termasuk dalam kategori haram. Hukum ini bertujuan mengelakkan perbuatan yang kurang sesuai dilakukan pada waktu yang dipandang tidak utama untuk solat. Dua waktu ini adalah selepas solat subuh sehingga terbit matahari dan selepas solat asar sehingga terbenam matahari.

Dikecualikan hukum makruh ini pada tiga perkara, iaitu:

- **Mempunyai sebab-sebab yang terdahulu**

Hukum makruh ini diguna pakai sekiranya sembahyang tersebut tidak berkaitan dengan sebab-sebab yang terdahulu ataupun sengaja melakukan pengebumian pada waktu tersebut. Jika pengebumian dilakukan pada waktu tersebut bukan dengan sengaja atau kebetulan saja, atau sembahyang yang dilakukan pada waktu itu mempunyai sebab-sebab yang terdahulu seperti sembahyang sunat wuduk (sebabnya ialah berwuduk), sunat tahiyatul masjid (sebabnya ialah masuk masjid) dan mengqada' sembahyang, maka semuanya itu tidak dimakruhkan pada waktu-waktu yang telah disebutkan tadi.

- **Solat ketika matahari berada di tengah langit pada hari Jumaat**

Juga tidak dimakruhkan solat pada hari Jumaat ketika matahari istiwa' (tepat di atas kepala) bagi sesiapa yang hadir solat Jumaat. Ini merupakan antara keistimewaan hari Jumaat kerana Nabi SAW menganjurkan untuk pergi awal ke masjid pada hari Jumaat dan Baginda mendorong untuk solat sunat sehingga keluarnya imam dan naiknya ke mimbar serta Baginda tidak mengecualikan apa-apa waktu daripada solat.

- **Solat di Tanah Haram, Makkah**

Menunaikan sembahyang di kawasan Tanah Haram Makkah adalah dikecualikan daripada larangan-larangan tersebut secara mutlak, iaitu boleh ditunaikan sembahyang pada bila-bila masa yang dikehendaki tanpa ada waktu-waktu yang dimakruhkan. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ، يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا يَطُوفُ بِهَذَا الْبَيْتِ وَيُصَلِّي أَوْ سَاعَةً شَاءَ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ " . قَالَ الْفَضْلُ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " يَا بَنِي عَبْدِ مَنَافٍ لَا تَمْنَعُوا أَحَدًا "

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Jubayr bin Mut'im, Nabi SAW bersabda: "Janganlah kamu menghalang sesiapa pun daripada bertawaf di sekeliling Kaabah ini dan daripada menunaikan solat pada bila-bila masa yang dia kehendaki, sama ada pada waktu siang atau malam."* Perawi Fadl (bin Ya'qub) menambah bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: *"Wahai Bani 'Abd Manaf, jangan kamu menghalang sesiapa pun."*

(Riwayat Abu Daud [1894], Hadis ini adalah hadis sahih)

Pengecualian ini berlaku khusus di Makkah sahaja. Adapun di Madinah, maka hukumnya sama seperti tempat-tempat lain.

ULANG DAN QADA' SOLAT

Mengulangi sembahyang ialah seseorang melakukan sembahyang yang diwajibkan, kemudian dia mendapati kekurangan atau kecacatan dalam melakukan adab-adab dalam sembahyang yang telah dilakukannya. Dengan itu, dia mendirikan semula sembahyang tersebut dengan menyempurnakan kekurangan atau kecacatan yang dilakukan di dalam sembahyang sebelum ini. Hukum mengulang solat adalah sunat. Contohnya, seseorang Muslim telah bersembahyang zuhur secara individu, kemudian dia mendapati satu kumpulan menunaikannya secara berjemaah, ketika itu dia disunatkan mengulangi semula sembahyang tersebut bersama-sama mereka. Sembahyang pertama baginya adalah fardu dan sembahyang kedua dikira sebagai sunat.

At-Tirmidzi telah meriwayatkan bahawa Nabi SAW telah bersembahyang subuh kemudian Baginda melihat dua orang sahabat tidak sembahyang bersama-samanya, lalu Baginda bertanya: "Apakah yang menghalang kamu berdua daripada bersembahyang bersama-sama kami?" Jawab mereka: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami telah bersembahyang di rumah kami." Sabda Rasulullah SAW: "Jangan kamu berdua melakukan demikian, apabila kamu telah bersembahyang di rumah, kemudian kamu datang ke masjid yang didirikan dalamnya sembahyang berjemaah, maka

sembahyanglah bersama-sama mereka, sesungguhnya sembahyang tersebut adalah sunat kepada kamu berdua.”

Qada' pula ialah mendirikan sembahyang selepas waktunya atau selepas waktu berbaki tidak sempat ditunaikan satu rakaat atau lebih. Jika dalam waktu yang masih berbaki sempat ditunaikan sekurang-kurangnya satu rakaat, maka sembahyang tersebut adalah tunai, iaitu dikerjakan pada waktunya. Hal ini demikian kerana satu rakaat dikira cukup untuk menandakan bahawa waktu solat tersebut telah sempat disempurnakan. Jumhur ulama bersepakat bahawa orang yang meninggalkan sembahyang diwajibkan mengqada'kannya sama ada dia terlupa atau sengaja meninggalkan. Walau bagaimanapun, antara kedua-duanya sama ada lupa atau sengaja mempunyai sedikit perbezaan. Orang yang meninggalkan sembahyang kerana sesuatu keuzuran seperti lupa, tertidur, maka dia tidak berdosa dan tidak wajib mengqada'kannya dengan segera. Manakala yang meninggalkannya tanpa apa-apa keuzuran dengan sengaja, dia mendapat dosa dan wajib mengqada'kannya dengan segera sebaik sahaja mendapat peluang untuk melakukannya tanpa menangguh atau menunggu peluang yang lain. Ini dapat dilihat berdasarkan dalil yang diriwayatkan daripada Anas r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ نَسِيَ صَلَاةً أَوْ نَامَ عَنْهَا فَكَفَّارَتُهُ أَنْ يُصَلِّيَهَا إِذَا ذَكَرَهَا . وَفِي رِوَايَةٍ: «لَا كَفَّارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكَ»

Maksudnya: “Jika seseorang terlupa menunaikan solat fardu atau tertidur (sehingga terlepas waktu solat), maka kaffarah (penebus)nya adalah dengan menunaikan solat itu apabila dia mengingatnya.” Dalam satu riwayat lain disebut: “Itulah satu-satunya kaffarah (penebus) bagi solat yang tertinggal.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Ayat “satu-satunya kaffarah atau penebus bagi solat yang tertinggal” menunjukkan bahawa sembahyang fardu yang ditinggalkan wajib diqada walau sebanyak mana bilangannya dan telah berlalu masa yang lama.

Di sisi mazhab Syafi'i, para ulama memperincikan bahawa sekiranya seseorang meninggalkan solat kerana uzur syarii seperti tertidur atau lupa yang tidak melampaui had, maka sunat baginya untuk segera mengqada' solatnya, namun sekiranya seseorang meninggalkan solat tanpa uzur syarii, maka wajib baginya untuk segera mengqada' solatnya.

PENUTUP

Sebagai penutup kepada sesi ini, marilah sama-sama kita mengamalkan doa yang diajarkan dalam al-Quran sebagai harapan agar Allah menetapkan hati kita untuk terus menjaga solat dan mendidik generasi selepas kita untuk melakukan perkara yang sama.

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

Maksudnya: “Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.”

(Surah Ibrahim 14: 40)

Semoga Allah memberi kita kekuatan untuk menjaga solat dengan sebaik-baiknya kerana di situlah terletak keberkatan, ketenangan dan kemuliaan seorang hamba.

SESI KEDUA

ASAS PENILAIAN SOLAT: WAJIB, SAH & BATAL

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan mengenal pasti syarat wajib solat yang menentukan kewajipan menunaikan solat, memahami syarat sah solat agar solat yang dilakukan diterima dan sah dari sudut fiqh, serta mengenal pasti perkara yang membatalkan solat supaya dapat menjaga solat daripada terbatal. Dengan itu, pelajar mampu menunaikan solat secara sah, tertib dan sesuai dengan panduan syarak.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Syarat Wajib Solat
- Syarat Sah Solat
- Perkara Membatalkan Solat

SESI KEDUA: ASAS PENILAIAN SOLAT: WAJIB, SAH & BATAL

PENDAHULUAN

Daripada Abdullah bin Umar r.huma., Rasulullah ﷺ:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Dibina Islam atas lima perkara; penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan bahawa Muhammad itu utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa Ramadhan.”*

(Riwayat al-Bukhari [8] dan Muslim [16])

Sebelum menunaikan solat, seorang Muslim perlu memahami dua aspek penting yang menjadi asas sahnya ibadah ini, iaitu syarat wajib dan syarat sah solat. Memahami kedua-dua aspek ini memastikan solat yang kita lakukan bukan sekadar rutin tetapi ibadah yang sah dan diterima di sisi Allah SWT.

SYARAT WAJIB SOLAT

Sembahyang diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang **baligh, berakal dan suci** sama ada lelaki atau perempuan. Sembahyang juga tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak yang kecil kerana mereka bukannya dalam kalangan orang-orang mukallaf. Juga tidak diwajibkan ke atas orang gila kerana tidak berakal. Begitu juga perempuan yang haid dan nifas kerana sembahyang tidak sah didirikan oleh mereka disebabkan wujud penghalang, iaitu hadas. Apabila orang kafir memeluk Islam, dia tidak diwajibkan mengqada sembahyang-sembahyang yang lalu (yang tidak didirikan ketika masih kafir) bagi menggalakkannya memeluk Islam sebagaimana firman Allah Taala yang bermaksud:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ

Maksudnya: *“Katakanlah kepada orang-orang kafir. Jika mereka berhenti (daripada kekafirannya), nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosa mereka yang lalu.”*

(Surah al-Anfal 8: 38)

Manakala orang murtad yang memeluk Islam semula, dia diwajibkan mengqada sembahyang yang ditinggalkan selama tempoh murtadnya sebagai balasan ke atasnya dan ancaman supaya tidak dilakukan perbuatan murtad.

Sembahyang juga tidak wajib diqada' oleh perempuan-perempuan yang meninggalkannya disebabkan haid atau nifas kerana kewajipan mengqada'kannya membawa kesusahan dan bebanan kepada mereka. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aisyah r.ha.:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ الْقَعْنَبِيُّ، عَنْ مَالِكٍ، عَنْ هِشَامٍ، بِإِسْنَادٍ زَاهٍ وَمَعْنَاهُ وَقَالَ " فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَاتْرُكِي الصَّلَاةَ فَإِذَا ذَهَبَ قَدْرُهَا فَاغْسِلِي الدَّمَ عَنْكَ وَصَلِّي "

Maksudnya: "Apabila haid datang, maka tinggalkanlah sembahyang dan jika tempohnya telah tamat, maka mandilah disebabkan darah tersebut dan dirikanlah sembahyang."

(Riwayat Bukhari [306], Muslim [333], dan Abu Daud [283])

Ini menunjukkan bahawa wanita yang sedang haid **tidak wajib solat**, dan setelah tempoh haid selesai, dia **perlu mandi wajib** sebelum kembali menunaikan solat.

Begitu juga tidak diwajibkan qada' ke atas orang gila dan pitam apabila sembuh daripada penyakit gila dan sedar kembali. Dalilnya ialah Sayidina Ali r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رَفَعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ، وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ

Maksudnya: "Diangkat kalam (tidak ditaklifkan) daripada tiga golongan: Kanak-kanak sehingga dia baligh, orang yang tidur sehingga dia bangun (jaga) dan orang gila sehingga dia berakal."

(Riwayat Abu Daud [4403])

Hadis di atas menyebut tentang orang gila. Oleh itu, ia diqiyaskan kepada semua orang yang hilang akal bahawa tidak wajib menqada' sembahyang disebabkan keuzuran yang berlaku padanya. Walau bagaimanapun, orang yang tidur diwajibkan menqada' sembahyang kerana terdapat hadis yang menyebut mengenainya, iaitu hadis yang bermaksud: "Sesiapa yang tertidur atau terlupa mendirikan sembahyang, maka hendaklah dia sembahyang apabila mengingatnya."

Bagi kanak-kanak, mereka wajib disuruh mendirikan sembahyang apabila sampai umur 7 tahun dan dipukul apabila meninggalkannya ketika umur 10 tahun. Semua ini, bertujuan

membiasakan mereka dengan sembahyang. Hadis yang diriwayatkan oleh Sabrah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مُرُوا الصَّبِيَّ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغَ سَبْعَ سِنِينَ وَإِذَا بَلَغَ عَشْرًا فَاضْرِبُوهُ عَلَيْهَا

Maksudnya: “*Suruhlah kanak-kanak supaya sembahyang apabila sampai umur 7 tahun dan apabila berumur 10 tahun maka pukullah mereka (jika mereka meninggalkannya).*”

(Riwayat Abu Daud [494])

SYARAT SAH SOLAT

1. Bersuci

Suci daripada hadas besar dan kecil, iaitu dengan berwuduk, mandi wajib atau tayamum. Ini merupakan perkara yang telah disepakati oleh semua ulama tidak kira untuk solat fardu atau solat sunat. Khilaf hanya berlaku dalam isu solat jenazah kerana segelintir ulama seperti Al-Sya’bi dan Muhammad Ibn Jabir menyatakan solat jenazah tidak disyaratkan untuk suci kerana ia hanyalah doa.

I. Suci Tubuh Badan dari Hadas

Orang yang berhadas sama ada hadas kecil, iaitu tidak mempunyai wuduk ataupun berhadas besar seperti berjunub, sembahyangnya adalah tidak sah. Rasulullah SAW telah bersabda dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Ibn Umar, iaitu:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طَهْوٍ

Maksudnya: “*Tidak diterima sembahyang (yang didirikan dalam keadaan) tidak bersuci.*”

(Riwayat Muslim [224])

Ini bermaksud **kesucian tubuh dan pakaian** adalah **syarat sah solat** dan jika seseorang bersolat tanpa bersuci terlebih dahulu, maka solat itu tidak sah di sisi agama. Menjaga wuduk dan kebersihan adalah asas penting dalam ibadah solat. Tanpa bersuci, solat

seseorang tidak akan diterima walaupun dilakukan dengan sempurna dari segi gerakan dan bacaan. Penerangan lanjut mengenai bab wuduk dan taharah akan dimuatkan dalam Modul Fiqh Taharah yang bakal diterbitkan oleh Madkhal. Nantikan keluaran seterusnya. Video panduan cara berwuduk juga tersedia dalam Modul Fardu Ain, khusus bagi menerangkan langkah-langkah wuduk dengan lebih jelas dan mudah diikuti. Jangan lupa untuk rujuk video tersebut bagi mendapatkan penerangan praktikal yang lebih terperinci.

Jika keluar sesuatu dari dua jalan, sama ada qubul (jalan depan) atau dubur (jalan belakang), maka dikira berhadass dan tidak melayakkannya untuk solat. Maksud sesuatu adalah umum yang meliputi semua benda sama ada berbentuk material seperti tahi dan kencing atau berbentuk sebaliknya seperti angin.

Jika seseorang terkentut semasa solat, sama ada kentutnya mengeluarkan suara atau bunyi yang dinamakan ضُرَاط atau tidak yang dinamakan فُسَاء, maka batallah solatnya dan dia dikehendaki berhenti daripada solat tersebut dan berwuduk semula. Sekiranya solat diteruskan dalam keadaan berhadass, maka hukumnya adalah haram dan solatnya tidak sah. Hal ini disebabkan oleh perbuatannya merupakan satu sikap meremeh dan mempermainkan solat yang merupakan tiang dan syiar agama Islam, dan hukumnya adalah berdosa besar. Diriwayatkan daripada ‘Ali bin Talq r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَلِيِّ بْنِ طَلْقٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا فَسَأَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلَاةِ وَلْيَعِدْ الصَّلَاةَ ، وَلْيَتَوَضَّأْ ، فَلْيَنْصَرِفْ

Maksudnya: “Apabila seseorang di antara kamu melepaskan angin (dari duburnya) ketika solat, maka hendaklah dia membatalkan solat itu, kemudian berwuduk dan mengulangi solatnya.”

(Riwayat Abu Daud [205], al-Tarmizi, al-Nasaie, Ahmad dan Ibn Hibban)

II. Suci Pakaian daripada Najis

Bersuci daripada najis tidak memadai pada tubuh badan sahaja, bahkan pakaian yang dipakai untuk sembahyang juga wajib suci daripada semua jenis najis. Dalilnya ialah firman Allah Taala dalam surah al-Muddathir ayat 4:

وَتِيَابَكَ فَطَهِّرْ ۚ

Maksudnya: *"Dan pakaian kamu, hendaklah kamu sucikan."*

Abu Daud (365) telah meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa:

أَنَّ خَوْلَةَ بِنْتَ يَسَارٍ، أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي إِلَّا ثَوْبٌ وَاحِدٌ وَأَنَا أَحِيضُ فِيهِ فَكَيْفَ أَصْنَعُ قَالَ " إِذَا طَهَّرْتَ فَأَغْسِلِيهِ ثُمَّ صَلِّي فِيهِ ". فَقَالَتْ فَإِنْ لَمْ يَخْرُجِ الدَّمُ قَالَ " يَكْفِيكَ غَسْلُ الدَّمِ وَلَا يَضُرُّكَ أَثَرُهُ " .

Maksudnya: *Khaulah bin Yasar telah datang menemui Rasulullah SAW dan berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya tidak mempunyai pakaian melainkan satu helai sahaja dan saya telah didatangi haid ketika memakainya. Bagaimanakah yang seharusnya saya lakukan?" Sabda Rasulullah SAW: "Apabila kamu telah suci, maka basuhlah pakaian tersebut dan sembahyanglah dengan memakainya." Kemudian dia bertanya lagi: "Bagaimanakah jika darah tersebut tidak tanggal?" Sabda Rasulullah SAW: "Memadai kamu membasuh darah tersebut. Manakala kesannya (yang tidak tanggal itu) ia tidak akan memudaratkan kamu (tidak membatalkan sembahyang kamu dengan menggunakannya dalam keadaan tersebut)."*

III. Suci Tempat daripada Najis

Apa yang dimaksudkan dengan tempat di sini ialah kawasan yang digunakan oleh orang yang bersembahyang ketika sembahyang, iaitu tempat yang disentuh dan diletakkan anggota ketika sembahyang, bermula dari kawasan kaki hingga ke tempat sujud. Oleh itu, tidak mengapa dan tidak membatalkan sembahyang jika tempat yang tidak diletakkan atau disentuh oleh anggota ketika sembahyang berada dalam keadaan bernajis seperti

kawasan yang setentang dengan dada ketika rukuk dan sujud. Dalil kepada syarat ini ialah perintah Rasulullah SAW supaya dicurahkan air ke tempat air kencing Badwi yang kencing dalam masjid.

وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ: { جَاءَ أَعْرَابِيٌّ قَبَالَ فِي طَائِفَةِ الْمَسْجِدِ، فَزَجَرَهُ النَّاسُ، فَتَهَاكُمُ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَلَمَّا قَضَى بَوْلَهُ أَمَرَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - بِذَنُوبٍ مِنْ مَاءٍ؛ فَأُهْرِيقَ عَلَيْهِ. } مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa seorang lelaki Badwi datang lalu kencing di satu sudut masjid. Orang ramai menjerit memarahinya tetapi Rasulullah SAW melarang mereka (daripada mengganggu). Setelah lelaki itu selesai kencing, Nabi SAW meminta sebaldi air lalu disiram ke atas tempat tersebut.*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Imam an-Nawawi memperincikan bahawa:

- I. Jika sengaja membiarkan najis pada tubuh atau pakaian, maka tidak sah solat.
- II. Jika terlupa, atau hanya sedar selepas solat, solat itu tidak sah pada pendapat Imam Syafi'i. Majoriti ulama lain mengatakan bahawa solat itu sah.
- III. Jika melihat najis selepas solat tetapi tidak pasti sama ada najis tersebut kena semasa solat atau selepas solat, maka solat itu sah. Di sisi mazhab Syafi'i menggalakkan untuk mengulangi solat itu atas dasar berhati-hati atau ihtiyat.
- IV. Seandainya seseorang itu hanya mempunyai pakaian yang bernajis dan tidak dapat dibasuh. Menurut mazhab Syafi'i hendaklah dia solat dalam keadaan tidak berpakaian dan solatnya sah. Imam Malik dan al-Muzani pula berpendapat dia hendaklah solat dengan pakaian bernajis itu dan solatnya sah. Ahmad pula berkata: Dia hendaklah solat dengan pakaian bernajis itu dan wajib mengulangi solat itu. Abu Hanifah pula berpendapat dia boleh solat dalam keadaan berpakaian yang najis itu atau tidak berpakaian, dan kedua-duanya sah.

DAIMUL HADAS

Daimul hadas merujuk kepada individu yang sentiasa berada dalam keadaan berhadhas seperti mereka yang mengalami masalah *salis al-bawl* (kencing tidak lawas), *istihadah* (pendarahan wanita di luar waktu haid dan nifas) atau penyakit lain yang menyebabkan keluar najis secara berterusan. Keadaan ini menimbulkan cabaran dalam pelaksanaan ibadah seperti solat dan tawaf yang memerlukan kesucian anggota tubuh daripada hadas. Orang yang sentiasa berhadhas akan sentiasa menanggung najis yang menyebabkan kesahan ibadahnya terjejas. *Daimul hadas* dinyatakan oleh para ulama bahawa ia disamakan hukumnya dengan wanita yang mengalami darah *istihadah*. Hal ini disebutkan oleh Imam al-Nawawi seperti berikut:

والاستحاضة حدث دائم كالسلس فلا تمنع الصوم والصلاة

Maksudnya: *Dan istihadah adalah hadas yang berterusan seperti salisi (kencing tidak lawas), maka ia tidak menghalang puasa dan solat.*

Terdapat beberapa perkara yang mesti dipatuhi dan diikuti bagi seseorang yang daimul hadas sebelum berwuduk agar wuduk dan solat yang dilaksanakan itu sah dan tidak perlu diulang semula, iaitu hendaklah orang tersebut bersegera mengambil wuduk sesudah masuk waktu solat, bahkan wuduknya tidak sah sekiranya dia berwuduk sebelum masuknya waktu solat.

2. Menutup Aurat

عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ " لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ حَائِضٍ إِلَّا بِخِمَارٍ "

Maksudnya: 'Aisyah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda: "Allah tidak menerima solat seorang wanita yang telah baligh melainkan dia memakai tudung kepala."

(Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 641)

Walaupun dalam hadis ini hanya disebut bahawa wanita wajib menutup kepala dan lehernya, tetapi ia tidak bererti bahawa badannya bukan aurat dan tidak wajib ditutup.

Sebaliknya, aurat wanita merdeka yang baligh dalam solat adalah seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangannya.

Syarat menutup aurat juga hendaklah tidak nampak warna kulit. Jika pakaian itu nipis sehingga kelihatan warna kulit, maka dikira tidak menutup aurat. Akan tetapi jika pakaian itu ketat membentuk tubuh, ia masih dikira menutup aurat selagi mana tidak nampak kulit tetapi makruh. Kewajipan menutup aurat ketika solat ini merujuk kepada pandangan dari atas dan sekeliling. Apa pun jika ternampak aurat jika dilihat dari bawah, maka ia tidak membatalkan solat.

Jika hanya sedar aurat terbuka selepas solat, maka wajib diulangi solat menurut mazhab Syafi'i. Jika seseorang lihat aurat terbuka selepas solat, dan tidak pasti adakah ia sudah terbuka ketika solat atau hanya berlaku selepas solat, maka solat itu sah. Digalakkan diulangi solat di sisi mazhab Syafi'i sebagaimana isu najis sebelum ini.

3. Menghadap Kiblat

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَاسْبِغِ الْوُضُوءَ ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ

Maksudnya: *"Apabila kalian ingin mendirikan solat, sempurnakanlah wuduk kemudian hadaplah ke arah kiblat, dan bertakbirlah."*

(Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 397)

Menghadap kiblat merupakan kewajipan kecuali apabila solat dalam keadaan takut atau solat sunat ketika musafir. Solat sunat ketika musafir di atas kenderaan tidak wajib menghadap kiblat berdasarkan hadis 'Amir bin Rabi'ah di atas dan hadis-hadis yang lain.

Jika sedang solat dan menyedari kiblat salah hendaklah segera berpaling ke arah yang betul tanpa membatalkan solat. Solat itu sah. Jika selepas selesai solat sedar kiblat salah, maka wajib diulangi solat itu menurut mazhab Syafi'i. Tetapi Imam al-Muzani, Abu Hanifah, Malik, Ahmad dan Daud az-Zohiri menyatakan tidak perlu mengulangi solat.

Orang yang sakit dan tidak mampu menghadap kiblat, wajib solat sebagai solat hormat waktu dan wajib mengulanginya semula apabila sihat.

Dalam beberapa keadaan, menghadap kiblat diberikan pengecualian dan kelonggaran. Hal ini bermakna diharuskan menunaikan solat dengan menghadap mana-mana arah, iaitu:

- Orang yang lemah untuk menghadap ke arah kiblat seperti sakit dan tidak boleh bergerak serta tidak terdapat seorang pun yang boleh membantu menghadapkannya ke arah kiblat. Keadaan ini sama juga dengan mereka yang berada di dalam kapal terbang.
- Orang yang berada dalam keadaan ketakutan seperti orang yang sedang menyerang musuh, lari daripada musuh, bencana banjir dan seumpamanya sama ada dalam keadaan berkenderaan atau tidak.
- Ketika bermusafir dan hanya boleh dilakukan solat sunat sahaja sama ada ketika di atas kenderaan atau berjalan kaki.

Walau bagaimanapun, semasa takbiratulihram seseorang itu hendaklah menghadap ke arah kiblat, selepas itu barulah mengikut arah kenderaan menghadap ke arah lain.

4. Mengetahui Masuk Waktu Solat

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Maksudnya: *“Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.”*

(Surah an-Nisa 4: 103)

Dapat difahami bahawa solat fardu adalah kewajipan dan kewajipan itu ditunaikan pada selepas masuk waktu yang telah ditentukan. Apabila ternyata solat seseorang berlaku sebelum masuk waktu, solatnya dianggap batal dan wajib mengulanginya sama ada dia berpegang kepada keyakinannya, ijtihadnya atau taqlid.

PERKARA MEMBATALKAN SOLAT

وَعَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ الْحَكَمِ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - { إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ لَا وَقْرَاءَةَ الْقُرْآنِ { رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَالتَّكْبِيرُ، إِنَّمَا هُوَ التَّسْبِيحُ، يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Mu'awiyah bin al-Hakam r.a., bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Bercakap ketika solat tidak sesuai (tidak dibenarkan) kerana solat itu hanyalah terdiri daripada tasbih kepada Allah, pengagungan-Nya, dan bacaan al-Quran."*

(Sahih Muslim 537)

Hadis ini mempunyai sebab wurudnya yang tersendiri. Mu'awiyah bin al-Hakam al-Sulami meriwayatkan, katanya: "Ketika aku sedang mendirikan solat bersama Nabi Muhammad SAW, seseorang telah bersin, lalu dia memuji Allah, maka aku pun mendoakannya بِرَحْمَتِكَ اللَّهُ. Lalu jemaah lain memandang ke arahku. Aku pun berkata: 'Kenapa kamu memandang kepadaku?' Lalu mereka menepuk tangan pada paha mereka meminta aku diam. Maka, aku pun diam. Setelah Rasulullah SAW selesai solatnya, Baginda mengajarku dengan sebaik-baik pengajaran. Demi Allah, Baginda tidak mengherdikku, tidak memukul dan tidak mencelaku. Baginda bersabda yang bermaksud: 'Sesungguhnya solat ini tidak layak padanya kata-kata manusia, sebaliknya ia hanyalah tasbih, takbir dan bacaan al-Quran.'"

Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW menjelaskan tentang hukum bercakap-cakap dalam solat sekalipun percakapan itu dalam bentuk doa. Berkata-kata atau percakapan dalam solat sekalipun dalam bentuk doa boleh membatalkan solat, sama ada sedikit atau banyak, sengaja atau tidak. Malah solat boleh terbatal hanya dengan sepatah perkataan yang tidak berkaitan dengan solat, walaupun hanya dengan satu huruf sekiranya ia mempunyai maksud. Hal ini disebabkan solat adalah suatu munajat antara hamba dan pencipta-Nya, iaitu Allah SWT dan semasa munajat sewajarnya seseorang hamba berusaha untuk menghadirkan hatinya dan memberikan tumpuan sepenuhnya untuk memahami apa yang dibaca dan dilakukannya dalam solat.

Bersuara dalam bentuk bukan kata-kata dalam solat

Ulama juga berbeza pandangan tentang suara yang keluar dalam solat bukan dalam bentuk kata-kata seperti berdehem, menangis, merintih, merengek, bersiul dan ketawa.

Menurut mazhab Hanafi, al-Syafi'i dan Hanbali jika suara tersebut terdiri daripada dua huruf, maka batal solatnya. Tetapi jika tidak terbentuk daripada dua huruf seperti berdehem, menangis, merintih, merengek dan meratap serta perbuatan tersebut dilakukan kerana sesuatu keperluan seperti untuk mengelakkan bacaan, takutkan Allah SWT atau untuk menyelamatkan seseorang, maka solatnya tidak batal. Hal ini disebabkan ia tidak termasuk dalam kategori kata-kata atau ucapan dan juga tidak boleh dikiaskan dengan kata-kata.

Menjawab salam

Bercakap, termasuk menjawab salam, tidak dibenarkan ketika solat. Salam yang diterima ketika sedang solat tidak dijawab dengan lisan tetapi cukup dalam hati.

Menurut jumhur ulama, harus untuk memberikan isyarat dengan tangan ketika solat. Ia berdasarkan hadis yang diriwayatkan Abdullah bin Umar, katanya:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ : { قُلْتُ لِبِلَالٍ : كَيْفَ رَأَيْتَ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَرُدُّ وَبَسَطَ كَفَّهُ، وَهُوَ يُصَلِّي؟ قَالَ : يَقُولُ هَكَذَا، عَلَيْهِمْ حِينَ يُسَلِّمُونَ عَلَيْهِ

Aku bertanya kepada Bilal: “Bagaimana Nabi Muhammad SAW menjawab salam yang diucapkan oleh para sahabat ketika Baginda sedang solat?” Bilal menjawab: “Baginda mengisyaratkan dengan tangannya.”

(Riwayat Abu Daud [927] dan al-Tirmizi [368])

Hadis ini menunjukkan bahawa dibolehkan memberikan isyarat semasa solat khususnya ketika menjawab salam. Melalui hadis ini juga ulama membuat analogi bahawa harus juga memberikan isyarat dengan tangan jika ada keperluan, selain menjawab salam. Sebaliknya memberikan isyarat tanpa keperluan dan bukan juga untuk menjawab salam adalah satu perbuatan yang dilarang, malah boleh membatalkan solat. Cara memberikan isyarat dengan tangan ketika solat adalah dengan mengangkat sedikit tapak tangannya agar dapat dilihat kepada orang yang memberikan salam.

Selain memberikan isyarat dengan tangan, ulama juga mengharuskan memberikan isyarat dengan mengangkat suara bacaan sama ada bacaan al-Quran atau bacaan solat

yang lain seperti tasbih, takbir dan sebagainya. Ia bertujuan memberikan peringatan atau pemberitahuan bahawa dia sedang menunaikan solat. Cara ini juga boleh digunakan untuk melarang kanak-kanak daripada membuat bising di dalam masjid ketika solat didirikan.

Terdapat juga hadis sahih yang menunjukkan cara Baginda Nabi SAW menjawab salam dengan memberi isyarat. Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi di dalam kitabnya, iaitu daripada Bilal r.a. apabila Ibn Umar r.huma. bertanya kepadanya:

كَيْفَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرُدُّ عَلَيْهِمْ حِينَ كَانُوا يُسَلِّمُونَ عَلَيْهِ وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ؟ قَالَ: كَانَ يُشِيرُ
بِيَدِهِ

Maksudnya: “Bagaimanakah Nabi SAW menjawab salam sekiranya Baginda SAW diberi salam dalam keadaan sedang mendirikan solat? Bilal menjawab: ‘Baginda SAW mengisyaratkan dengan tangannya.’”

(Riwayat al-Tirmizi [368])

Syeikh al-Mubarakfuri ketika mensyarahkan hadis ini menyatakan bahawa Baginda SAW pernah mengisyaratkan dengan jarinya berdasarkan kepada riwayat yang lain daripada Suhaib dan tidak ada percanggahan dengan hadis ini bahawa Baginda SAW mengisyaratkan dengan tangannya. Hal ini demikian kerana ia boleh difahami bahawa kadang-kadang Rasulullah SAW mengisyaratkan dengan jarinya dan kadang-kadang dengan tangannya. Selain itu, ia juga boleh difahami bahawa yang dimaksudkan dengan tangan adalah jari kerana perkara yang muqayyid itu termasuk dalam perkara yang mutlak sepertimana yang dinyatakan oleh al-Syaukani. (Lihat: Tuhfah al-Ahwazi, 2/305)

Dalam mazhab al-Syafi'i, tidak dibenarkan menjawab salam dengan lafaz di dalam solat dan tidak wajib ke atasnya untuk menjawabnya, bahkan hukumnya adalah sunat. Pada waktu itu, menjawabnya dengan isyarat atau dia boleh menjawabnya selepas daripada salam secara lafaz. (Lihat: al-Majmu', 4/104)

PENUTUP

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ۚ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ

Maksudnya: “Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.”

(Surah al-Bayyinah 98: 5)

Sebagai penutup, marilah kita sentiasa memastikan bahawa setiap solat yang kita dirikan memenuhi syarat wajib dan syarat sahnya. Dengan itu, ibadah solat kita menjadi sah, diterima Allah SWT dan membawa keberkatan serta ketenangan kepada diri, rohani dan kehidupan seharian kita.

SESI KETIGA

AZAN DAN IQAMAH: SERUAN MENYAMBUT SOLAT

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Melalui topik ini, pelajar akan dapat memahami pengertian azan dan fungsinya sebagai seruan menunaikan solat, mengenal pasti syarat-syarat sah azan serta tatacara yang betul. Selain itu, mengetahui amalan sunat dan adab ketika mendengar azan, memahami pengertian dan tujuan iqamah sebagai seruan memulakan solat bukan fardu.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Azan
- Syarat-syarat Sah Azan
- Sunat ketika Azan
- Iqamah
- Seruan untuk Sembahyang Bukan Fardu

SESI KETIGA: AZAN DAN IQAMAH: SERUAN MENYAMBUT SOLAT

PENDAHULUAN

Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Malik bin Al-Huwairith r.a. beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤْذِنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ

Maksudnya: “Maka apabila waktu solat telah masuk, hendaklah salah seorang daripada kamu melaungkan azan.”

(Riwayat al-Bukhari [628])

Setelah kita memahami kepentingan solat sebagai tiang agama, kita beralih pula kepada satu aspek penting yang menjadi tanda bermulanya waktu solat dan panggilan untuk seluruh umat Islam menunaikannya, iaitu azan dan iqamah. Kedua-duanya bukan sekadar lafaz tetapi simbol disiplin, kesatuan dan ketaatan dalam kehidupan seorang Muslim.

AZAN

Azan merupakan lafaz khusus yang disyariatkan oleh Islam untuk menyatakan masuknya waktu sembahyang fardu. Juga untuk menyeru orang-orang Islam supaya berkumpul mengerjakannya.

Azan disunatkan ketika hendak mendirikan sembahyang sama ada sembahyang tunai atau qada'. Ia adalah sunat muakkad 'alal kifayah bagi sesuatu kumpulan, iaitu tuntutan sunatnya terlaksana walaupun tidak dilakukan oleh semua ahli kumpulan tersebut. Bagi individu pula ia merupakan sunat aini, iaitu pahala sunat diperoleh apabila dia melakukannya. Azan juga merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam menzahirkan syiar-syiar Islam.

Dalil al-Quran, firman Allah Taala dalam surah al-Jumuah (62) ayat 9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid)

untuk mengingatkan Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”

Permulaan Disyariatkan Azan

Azan telah disyariatkan pada tahun pertama Hijrah. Al-Bukhari (579) dan Muslim (377) telah meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. katanya:

كَانَ الْمُسْلِمُونَ حِينَ قَدِمُوا الْمَدِينَةَ يَجْتَمِعُونَ فَيَتَحِينُونَ الصَّلَاةَ لَيْسَ يُنَادِي بِهَا أَحَدٌ فَتَكَلَّمُوا يَوْمًا فِي ذَلِكَ فَقَالَ بَعْضُهُمْ: اتَّخِذُوا مِثْلَ نَاقُوسِ النَّصَارَى وَقَالَ بَعْضُهُمْ: قَرَأْنَا مِثْلَ قُرْنِ الْيَهُودِ فَقَالَ عُمَرُ أَوْلَا تَبْعَثُونَ رَجُلًا يُنَادِي بِالصَّلَاةِ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا بِلَالُ قُمْ فَنادِ بِالصَّلَاةِ»

Maksudnya: “Ketika orang-orang Islam datang ke Madinah, mereka berkumpul dan menunggu untuk mengerjakan sembahyang. Ketika itu tidak ada orang yang menyeru (melaungkan azan) untuk menunaikannya. Pada suatu hari, mereka berbincang mengenainya. Berkata sebahagian daripada mereka: ‘Gunakan loceng seperti loceng orang Nasrani.’ Sebahagian yang lain berkata: ‘Gunakan ceropong seperti tanduk yang digunakan oleh orang Yahudi.’ Lalu, Umar r.a. berkata: ‘Mengapa kamu tidak menyuruh seseorang bangun menyeru untuk sembahyang.’ Lalu Rasulullah SAW bersabda: ‘Wahai Bilal, bangun dan serulah untuk sembahyang.’”

Lafaz Azan

Azan mengandungi kalimah-kalimah tauhid yang menegaskan keesaan Allah SWT dan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Lafaz azan juga mengandungi ajakan untuk mendirikan solat dan menggapai kejayaan di dunia dan akhirat. Azan dikumandangkan dengan suara yang lantang dan merdu agar dapat didengar oleh orang ramai.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ،
حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ،
حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ، حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Allah Maha Besar,

Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah.

Aku juga bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah.

Marilah bersembahyang.

Marilah menuju kejayaan.

Allah Maha Besar.

Tidak ada tuhan selain Allah.

Pada azan waktu subuh ditambah lafaz *النَّوْمُ الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ* yang bermaksud sembahyang lebih baik daripada tidur. Lafaz azan ini telah thabit dengan hadis-hadis sahih di sisi Al-Bukhari, Muslim dan lainnya.

عَنْ أَبِي مَحْزُورَةَ، قَالَ كُنْتُ أُوَدِّنُ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكُنْتُ أَقُولُ فِي أَذَانِ الْفَجْرِ الْأَوَّلِ حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Abu Mahzurah bahawa beliau berkata: "Aku pernah mengumandangkan azan untuk Rasulullah ﷺ, dan pada azan pertama solat subuh, aku biasa mengucapkan yang bermaksud: 'Marilah menuju kejayaan, solat itu lebih baik daripada tidur, solat itu lebih baik daripada tidur, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.'"*

(Hadis Riwayat Abu Daud [500] dan Ahmad 15379. Hadis ini adalah hadis hasan)

SYARAT-SYARAT SAH AZAN

- Islam. Tidak sah azan oleh orang-orang kafir kerana mereka tidak ada kelayakan untuk melakukan ibadah.
- Mumaiyiz. Tidak sah azan oleh kanak-kanak yang belum mumaiyiz kerana mereka tidak ada kelayakan untuk melakukan ibadah dan juga tidak boleh memastikan waktu-waktu sembahyang dengan betul.
- Lelaki. Tidak sah azan seorang perempuan untuk jemaah lelaki, sebagaimana tidak sah dia menjadi imam kepada kaum lelaki.

Manakala bagi jemaah perempuan, mereka tidak sunat melakukan azan kerana dibimbangi berlaku fitnah. Mereka hanya disunatkan iqamah untuk menyedarkan mereka yang hadir supaya bangkit bagi mendirikan sembahyang kerana pada iqamah, tidak ditinggikan suara seperti azan.

- Melafazkan kalimah-kalimah azan dengan tertib kerana mengikut apa yang telah disebut oleh Rasulullah SAW. Melafazkan lafaz azan secara tidak tertib boleh dianggap mempermain-mainkan ibadah azan dan boleh mencacatkan seruan azan ketika dilaungkan.
- Berturut-turut antara kalimah-kalimahnya. Ini bermakna tidak boleh terpisah lama antara satu kalimah dengan kalimah berikutnya.
- Meninggikan suara sekiranya azan tersebut untuk jemaah. Sekiranya untuk individu, maka sunat ditinggikan suara di masjid yang tidak ada jemaah di dalamnya, dan direndahkan suara sekiranya azan tersebut dalam masjid yang ada jemaah agar mereka yang mendengarnya tidak menyangka bahawa telah masuk waktu sembahyang yang berikutnya.
- Masuk waktu. Sembahyang tidak berlaku kecuali dengan masuk waktunya dan azan dilaungkan untuk mengumumkan masuknya waktu. Oleh itu, ulama bersepakat mengatakan bahawa tidak sah azan sebelum masuk waktunya kecuali

pada sembahyang subuh. Ia harus diazankan pada separuh malam sebagaimana yang akan dinyatakan dalam tajuk sunat-sunat azan.

SUNAT KETIKA AZAN

Perkara sunat-sunat azan adalah seperti berikut:

- Orang yang azan berada dalam keadaan menghadap mukanya ke kiblat kerana kiblat merupakan arah yang paling mulia, sebagaimana yang dinaqalkan daripada ulama salaf dan khalaf.
- Suci daripada hadas kecil dan hadas besar. Oleh itu, makruh azan oleh orang yang berhadas. Manakala orang yang berjunub lebih makruh lagi melaungkan azan.
- Azan dalam keadaan berdiri.
- Memalingkan muka (bukan dada) ke kanan pada lafaz *حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ* dan ke kiri pada lafaz *حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ*

Riwayat daripada Abu Juhaifah r.a. yang menyaksikan Bilal mengumandangkan azan:

...فَجَعَلْتُ أَتَتَّبِعُ فَاهُ هَا هُنَا وَهَآ هُنَا - يَقُولُ يَمِينًا وَشِمَالًا - يَقُولُ حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ...

Maksudnya: "... aku mengikut gerak mulut beliau tatkala dia berpaling ke kanan dan ke kiri sewaktu menyebut 'hayya ala as-solah' dan 'hayya alal falah'..."

(Sahih Bukhari [503])

- Menyebut kalimah-kalimah azan dengan tartil, iaitu tenang, jelas dan betul. Hal ini demikian kerana azan merupakan pengumuman kepada orang ramai yang tidak ada di tempat tersebut. Oleh itu, azan secara tartil lebih menyampaikan maksud dalam pengumuman tersebut.
- At-Tarji' semasa azan, iaitu menyebutkan dua kalimah syahadah dua kali secara perlahan pada permulaan azan, kemudian diulang lagi dengan suara lebih kuat. Ini berdasarkan kepada hadis Abu Mahzurah r.a., antara kandungan lafaz hadis tersebut ialah:

تَرْفَعُ بِهَا صَوْتَكَ ثُمَّ تَقُولَ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ...
 أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ تَخْفِضُ بِهَا صَوْتَكَ ثُمَّ تَرْفَعُ صَوْتَكَ بِالشَّهَادَةِ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ أَنْ لَا
 إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ أَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ...

Maksudnya: “Apabila aku meminta Rasulullah ﷺ untuk mengajarkanku sunnah berkaitan azan, Baginda menyapu bahagian depan kepalaku lalu bersabda: Kemudian ucapkanlah:

“أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ” dengan merendahkan suaramu ketika mengucapkannya. Setelah itu, tinggikan suaramu semula ketika engkau mengucapkan syahadah: “أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ”.

(Riwayat Abu Daud [500])

- At-tathwib التثويب ketika azan subuh, iaitu menyebut الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ sebanyak 2 kali selepas menyebut حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ. Ia adalah sunnah, dan bukan wajib. Jadi, azan tetap sah walaupun tanpa lafaz ini tetapi pahala fadilatnya tidak akan diperoleh.
- Bilal hendaklah mempunyai suara yang elok dan merdu supaya hati pendengar menjadi lembut dan cenderung untuk menyahut seruan azan tersebut. Rasulullah SAW bersabda kepada Abdullah bin Zaid r.a. yang bermimpi azan dalam tidurnya.

فَأَنْقَى عَلَيْهِ مَا رَأَيْتَ فَلْيُودِّنْ بِهِ فَإِنَّهُ أُنْدَى صَوْتًا مِنْكَ

Maksudnya: “Dan apabila engkau telah mengajarkannya (kepada Bilal) apa yang engkau lihat (dalam mimpi itu), hendaklah dia menggunakannya untuk menyeru kepada solat (azan) kerana suaranya lebih kuat daripadamu.”

(Riwayat Abu Daud [499] dan Ahmad [16478]. Hadis ini adalah hadis sahih)

- Bilal merupakan orang yang terkenal dalam kalangan orang ramai sebagai seorang yang berakhlak dan adil. Hal ini demikian kerana pemberitahuan mengenai masuknya waktu sembahyang lebih mudah diterima daripada orang

yang memiliki sifat-sifat tersebut. Juga kerana perkhabaran atau berita orang fasik tidak diterima.

- Tidak meleret-leret ketika menyebut lafaz-lafaz azan serta tidak berlagu, bahkan perbuatan tersebut adalah makruh.
- Untuk azan subuh di masjid, disunatkan dilaungkan oleh dua orang bilal. Seorang melaungkan azan sebelum masuk waktu subuh dan seorang lagi azan setelah masuk waktunya. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ بِلَالَ يُؤَذِّنُ بِلَيْلٍ فَكُلُّوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يُؤَذِّنَ ابْنُ أُمِّ مَكْتُومٍ. قَالَ وَلَمْ يَكُنْ بَيْنَهُمَا إِلَّا أَنْ يَنْزِلَ هَذَا وَيَرْقَى هَذَا

Maksudnya: “*Bilal melaungkan azan pada akhir malam (iaitu waktu sahur), maka makan dan minumlah kamu sehingga Ibnu Ummi Maktum melaungkan azan.*” Dan perawi berkata: *Perbezaan waktu antara azan mereka berdua tidak lebih lama daripada tempoh seorang turun dari menara (tempat azan), dan seorang lagi naik untuk melaungkan azan.*

(Riwayat Muslim [1092])

- Pendengar azan disunatkan diam dan menelitinya serta mengucapkan apa yang dilafazkan oleh bilal. Abdullah bin Amru meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمُ الْمُؤَذِّنَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ

Maksudnya: “*Apabila kamu mendengar (seruan) azan, maka ucapkanlah seperti apa yang dilafazkan oleh orang yang azan (bilal).*”

(Sahih Muslim [384])

Tetapi ketika muazzin atau bilal menyebut عَلَى الْفَلَاحِ، حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ hendaklah dijawab dengan لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ (Tidak ada upaya dan kekuatan kecuali dengan milik Allah). Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Umar al-Khattab:

ثُمَّ قَالَ حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ . قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ . ثُمَّ قَالَ حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ . قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya: “Apabila muazzin berkata: ‘Marilah bersembahyang’, dia hendaklah menjawab: ‘Tidak ada upaya dan kekuatan kecuali milik Allah.’ Dan bila disebut: ‘Marilah menuju kejayaan’, dia hendaklah menjawab: ‘Tidak ada upaya dan kekuatan kecuali milik Allah.’”

(Sahih Muslim 385)

Di akhir hadis disebut:

مِنْ قَلْبِهِ دَخَلَ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Sesiapa yang berkata demikian (yang lahir) dari hatinya (dengan ikhlas dan khusyuk), maka dia akan masuk syurga.”

(Sahih Muslim 385)

Dan disunatkan ketika at-tathwib dijawab dengan ‘صَدَقْتَ وَبَرَرْتَ’; maksudnya: Kamu telah berkata benar (melalui seruan kamu kepada ketaatan dan ia lebih baik daripada tidur) dan kamu juga menjadi seorang yang berbuat kebaikan.

Imam al-Haramain al-Juwaini dan Imam al-Nawawi menyebutkan bahawa apabila muazzin mengucapkan ketika azan subuh, ‘الصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ’, maka jawabnya adalah dengan mengucapkan, ‘صَدَقْتَ وَبَرَرْتَ’ (Benarlah seruan engkau dan engkau menjadi orang yang baik). (Lihat *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, 2/55; *al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab*, 3/111; lihat juga *al-Fiqh al-Manhaji*, 1/347 dan *Faidh al-Qadir*, 1/379).

- Berdoa dan berselawat ke atas Nabi SAW selepas azan.

Apabila azan selesai dilaungkan, muazzin dan orang yang mendengarnya disunatkan berselawat ke atas Nabi SAW dan berdoa untuk Baginda dengan doa yang diajar dan diambil daripada Rasulullah SAW.

Muazzin (bilal) hendaklah mengucapkan selawat ke atas Nabi SAW dan berdoa untuknya dengan suara yang rendah berbanding dengan suara azan serta berasingan daripadanya. Ini dilakukan supaya selawat dan doa tersebut tidak disangka sebagai sebahagian daripada lafaz-lafaz azan.

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru r.a. bahawa dia mendengar Nabi SAW bersabda:

" إِذَا سَمِعْتُمُ الْمُؤَذِّنَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ ثُمَّ صَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا ثُمَّ سَلُّوا اللَّهَ لِي الْوَسِيلَةَ فَإِنَّهَا مَنْزِلَةٌ فِي الْجَنَّةِ لَا تَنْبَغِي إِلَّا لِعَبْدٍ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ وَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ أَنَا هُوَ فَمَنْ سَأَلَ لِي الْوَسِيلَةَ حَلَّتْ عَلَيْهِ الشَّفَاعَةُ. "

Maksudnya: "Apabila kamu mendengar muazin melaungkan azan, maka ulangilah apa yang dia ucapkan. Kemudian berselawatlah ke atasku kerana setiap kali seseorang itu berselawat ke atasku sekali, maka Allah akan berselawat ke atasnya sebanyak sepuluh kali. Selepas itu mintalah kepada Allah agar diberikan kepadaku al-Wasilah, iaitu satu kedudukan di dalam syurga yang hanya layak bagi seorang hamba daripada hamba-hamba Allah, dan aku berharap akulah hamba tersebut. Maka sesiapa yang memohon kepada Allah agar aku diberikan al-Wasilah, dia pasti akan memperoleh syafaatku."

(Riwayat Muslim 384)

DOA SELEPAS MENDENGAR AZAN

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَاماً مَحْمُوداً
الَّذِي وَعَدْتَهُ [إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ]

Maksudnya: "Ya Allah Ya Tuhanku, inilah seruan (azan) yang sempurna dan sembahyang yang akan didirikan. Kurniakanlah kepada penghulu kami Nabi Muhammad SAW al-Wasilah (kedudukan yang tertinggi di syurga) dan al-Fadhilah (kemuliaan yang lebih tinggi), dan bangkitkanlah Baginda ke tempat yang terpuji yang telah Engkau janjikan. Sesungguhnya Engkau tidak memungkirkan janji-Mu."

(Sahih al-Bukhari [1/152], dan tambahan lafaz [إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ] diriwayatkan oleh al-Bayhaqi [1/410] dengan sanad yang hasan (baik).)

IQAMAH

Iqamah juga seperti azan tetapi mempunyai sedikit perbezaan:

- Lafaz azan diulang dua kali sedangkan iqamah hanya disebut sekali. Sepertimana yang diriwayatkan oleh Anas r.a.:

أُمِرَ بِلَالٌ أَنْ يَشْفَعَ، الْأَذَانَ وَيُوتِرَ الْإِقَامَةَ. زَادَ يَحْيَى فِي حَدِيثِهِ عَنِ ابْنِ عَلِيٍّ فَحَدَّثْتُ بِهِ أَيُّوبَ فَقَالَ إِلَّا الْإِقَامَةَ

Maksudnya: “Bilal telah diperintahkan (oleh Rasulullah ﷺ) untuk mengulangi setiap lafaz azan sebanyak dua kali, dan dalam iqamah disebut sekali sahaja. Perawi berkata: “Aku menyebut perkara ini di hadapan Ayyub, lalu beliau berkata: Kecuali pada lafaz قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ (Sembahyang akan didirikan), ia disebut dua kali.”

(Riwayat Sahih Muslim [378])

Lafaz iqamah yang sempurna ialah:

اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ
حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ
حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ
قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ
قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ
اللهُ أَكْبَرُ اللهُ أَكْبَرُ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ

Lafaz ini telah thabit dalam hadis-hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim dan lainnya.

- Azan dilaungkan dengan tenang dan tartil sementara iqamah disebut dengan cepat. Hal ini demikian kerana azan adalah untuk orang yang tidak ada di tempat tersebut. Oleh itu, sebutan secara tartil adalah lebih baik. Manakala iqamah dilafazkan setelah orang yang ingin sembahyang hadir berkumpul di tempat azan. Maka, sebutan dengan cepat adalah lebih sesuai.
- Bagi yang ingin mengadakan beberapa solat, memadai azan sekali pada solat yang pertama sahaja, dan setiap solat selepas itu boleh dilaungkan iqamah setiap kali sembahyang ingin didirikan.

Daripada Jabir r.a. meriwayatkan bahawa:

بِأَذَانٍ وَاحِدٍ وَإِقَامَتَيْنِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى الْمُزْدَلِفَةَ فَصَلَّى بِهَا الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ

Maksudnya: “Nabi ﷺ tiba di Muzdalifah dan Baginda menunaikan solat maghrib dan isyak di situ dengan satu azan dan dua kali iqamah.”

(Sahih Muslim [1218])

Syarat-syarat iqamah dan perkara sunat ketika iqamah sama sepertimana syarat-syarat dan perkara sunat ketika azan. Selain daripada apa yang telah disebutkan, disunatkan juga orang yang azan dan iqamah adalah orang yang sama.

Dan sunat bagi pendengar untuk menyebut أَقَامَهَا اللَّهُ وَأَدَامَهَا yang bermaksud semoga Allah tetap menjadikan sembahyang ini didirikan, dan mengekalkannya selama-lamanya.

Seruan untuk Bukan Sembahyang Fardu

Hukum azan dan iqamah ialah sunat muakkad ketika hendak didirikan sembahyang fardu. Manakala sembahyang yang disunatkan berjemaah selain sembahyang fardu seperti sembahyang dua hari raya, sembahyang gerhana matahari dan bulan, dan sembahyang jenazah tidak disunatkan azan dan iqamah. Tetapi, ketika hendak mendirikan disebut الصلاة جامعة (Sembahyang yang menghimpunkan).

Sayidatina Aisyah r.ha. meriwayatkan bahawa:

كُسِفَتِ الشَّمْسُ فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا فَنَادَى أَنَّ الصَّلَاةَ جَامِعَةٌ

Maksudnya: “Telah berlaku gerhana matahari. Maka, Rasulullah SAW memerintahkan seorang lelaki untuk menyeru: ‘Solat akan didirikan secara berjemaah.’”

(Riwayat Sahih Abu Daud [1190])

Berdasarkan hadis di atas, maka semua sembahyang sunat yang disunatkan mendirikan secara berjemaah diqiaskan kepada sembahyang gerhana matahari, iaitu menyeru dengan lafaz الصلاة جامعة ketika hendak mendirikan.

PENUTUP

Semoga penghayatan kita terhadap azan dan iqamah tidak hanya berhenti pada lafaznya, tetapi turut meresap ke dalam hati sebagai seruan untuk menyegerakan ketaatan. Azan mengingatkan kita tentang tujuan hidup, sementara iqamah mengajak kita berdiri teguh di hadapan Allah dengan penuh disiplin dan kepatuhan. Moga setiap kali seruan itu berkumandang, hati kita segera menyahut dan langkah kita dipermudahkan untuk menuju kepada-Nya.

SESI KEEMPAT

RUKUN SOLAT

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Melalui topik ini, pelajar akan dapat memahami pembahagian rukun solat dan kepentingannya, menyebut serta menjelaskan rukun-rukun solat dari awal hingga akhir termasuk niat, takbiratul ihram, al-Fatihah, pergerakan rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, tasyahud, doa akhir dan salam serta memahami fungsi setiap rukun dalam memastikan solat dilakukan secara sah, tertib dan sempurna mengikut panduan fiqh.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Pembahagian Rukun Solat
- Rukun Solat

SESI KEEMPAT: RUKUN SOLAT

PENDAHULUAN

إِنِّى أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِى وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِى ١٤

Maksudnya: “Sesungguhnya Akulah Allah; tiada tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah akan Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku.”

(Surah Taha 20: 14)

Sebelum menunaikan solat dengan sempurna, kita perlu memahami elemen asas yang menjadi tunjang setiap ibadah ini, iaitu rukun solat. Rukun solat merupakan peraturan dan tatacara yang wajib dipatuhi supaya solat diterima oleh Allah SWT. Setiap pergerakan, bacaan dan tindakan dalam solat mempunyai kedudukan tertentu dan kepentingan yang tersendiri. Dengan memahami dan mengamalkan rukun solat dengan tepat, kita memastikan ibadah ini bukan sekadar rutin fizikal tetapi ibadah yang penuh makna, tertib dan diterima di sisi Allah.

PEMBAHAGIAN RUKUN SOLAT

Rukun ialah bahagian asasi daripada sesuatu benda seperti dinding yang merupakan salah satu bahagian asasi bilik. Oleh itu, bahagian asas sembahyang ialah rukun-rukunnya seperti rukuk, sujud dan seumpamanya. Sembahyang tidak akan berlaku dan tidak sah kecuali semua bahagian rukun solat telah sempurna dan dilakukan secara tertib sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW yang diambil daripada Jibril a.s..

Rukun solat dibahagikan kepada tiga, iaitu:

- Rukun *qalbi* (hati), iaitu sesuatu perkara yang perlu dilakukan melalui dalam hati.
- Rukun *qauli* (pertuturan atau bacaan) rukun yang wajib didengari oleh telinga sendiri.
- Rukun *fi'li* (perbuatan) yang melibatkan pergerakan atau perbuatan.

Syeikh al-Sayid Abdullah al-Hadrami menyebutkan di dalam kitabnya *Safinah al-Solat* (44) bahawa:

القولية، وهي خمسة: تكبيرة الإحرام أول الصلاة، وقراءة الفاتحة في كل ركعة وقراءة التشهد والصلاة على النبي والسلام آخر الصلاة، ثلاثتها في القعدة الأخيرة

Maksudnya: (rukun) Qauli mempunyai lima: Takbiratulihram pada awal solat, membaca surah al-Fatihah pada setiap rakaat, tasyahud dan selawat ke atas Nabi SAW serta salam, ketiga-tiganya pada duduk yang terakhir.

Maka, kelima-lima ini hendaklah dibacakan oleh setiap orang yang mendirikan solat dan kegagalan untuk membaca salah satu daripada lima ini akan menyebabkan solat itu tidak sah.

Sembahyang mempunyai 13 rukun, iaitu:

Rukun Qauli	Rukun Fi'li	Rukun Qalbi
Takbiratulihram	Berdiri tegak sekiranya mampu	Niat
Membaca surah al-Fatihah pada setiap rakaat	Rukuk dengan tama'ninah	
Membaca tasyahud akhir	Iktidal dengan tama'ninah	
Membaca selawat ke atas Nabi pada tasyahud akhir	Sujud dengan tama'ninah	
Membaca salam pertama	Duduk antara dua sujud dengan tama'ninah	
	Duduk tasyahud akhir	
	Tertib	

RUKUN SOLAT

Terdapat 13 rukun yang mesti dipenuhi di dalam setiap solat, iaitu:

1. Niat

Hadis yang diriwayatkan oleh Umar al-Khattab bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

“Sesungguhnya amalan itu adalah dengan niat.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Niat ialah qasad melakukan sesuatu yang disertai di awal perbuatannya. Niat merupakan rukun qalbi (hati) dan wajib disertakan ketika seseorang melafazkan takbiratulihram. Ini bermaksud ketika melafazkan takbiratulihram, hatinya dalam keadaan sedar dan tertumpu kepada qasad untuk melakukan sembahyang. Tidak disyaratkan menyebutnya dengan lidah. Niat berfungsi untuk membezakan antara satu solat dengan solat yang lain. Jika lafaz niat berbeza dengan apa yang dilintasi oleh hati, maka yang diambil kira adalah apa yang di hati.

Niat mengandungi tiga bahagian, iaitu:

1. Qasad: Berniat melakukan solat dalam takbiratulihram dengan berkata, “Sahaja aku solat” atau “Aku solat.”
2. Ta'yin: Menyebut nama solat seperti zuhur atau asar.
3. Ta'arudh: Menyebut jenis solat, iaitu fardu.

Ketiga-tiga bahagian ini adalah syarat sah untuk solat fardu. Untuk solat sunat berwaktu seperti solat sunat dhuha atau witr dan solat yang mempunyai sebab seperti solat gerhana dan istisqa', hanya dua bahagian yang disyaratkan, iaitu qasad dan ta'yin. Bagi solat sunat mutlak, iaitu solat yang tidak terikat dengan waktu dan sebab tertentu pula diwajibkan satu bahagian sahaja, iaitu qasad.

Sekiranya berniat untuk membatalkan solat ketika sedang mendirikan solat, maka solat adalah terbatal menurut mazhab Syafi'i dan Maliki.

2. Berdiri Betul

Berdiri merupakan rukun bagi solat fardu dan ulama sepakat mengatakan bahawa tidak sah solat jika tidak berdiri bagi yang mampu. Seseorang dianggap berdiri apabila dia berada dalam keadaan tegak. Sekiranya dia membongkok dengan sekira-kira tapak tangannya boleh menyentuh lututnya tanpa uzur, maka batal sembahyangnya. Hal ini demikian kerana rukun berdiri sudah tidak ada lagi di dalam sembahyangnya itu. Sekiranya orang yang bersembahyang hanya mampu berdiri pada beberapa bahagian dalam sembahyang dan tidak mampu pada bahagian yang lain, maka dia hendaklah berdiri ketika melakukan bahagian yang mampu dilakukan secara berdiri dan duduk pada bahagian yang tidak mampu dilakukan secara berdiri.

Ini berdasarkan sebuah hadis, daripada Imran bin Husain r.a. katanya, aku menghidap penyakit buasir lalu aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang solat. Baginda bersabda:

صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya: *“Bersolatlah secara berdiri, jika tidak mampu lakukanlah secara duduk dan jika tidak mampu juga lakukanlah secara mengiring.”*

(Riwayat al-Bukhari [1066])

Perincian tatacara solat bagi orang yang tidak mampu berdiri sama ada solat duduk di atas lantai, duduk di atas kerusi, solat secara mengiring atau menelentang, insya-Allah akan dibahas dalam modul khas bagi solat ketika sakit yang juga akan dikeluarkan oleh Madkhal.

Bagi solat sunat, ulama juga bersepakat bahawa dibolehkan untuk solat sunat dalam keadaan duduk tanpa sebarang keuzuran tetapi pahalanya akan berkurangan. Namun, bagi mereka yang mengalami keuzuran juga boleh solat sunat dalam keadaan duduk tanpa dikurangkan pahala. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Imran bin Husain bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى قَائِمًا فَهُوَ أَفْضَلُ وَمَنْ صَلَّى قَاعِدًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَائِمِ، وَمَنْ صَلَّى نَائِمًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَاعِدِ

Maksudnya: “Sesiapa yang bersolat secara berdiri itulah yang afdal dan sesiapa yang bersolat secara duduk dia mendapat separuh pahala solat berdiri dan sesiapa yang bersolat secara mengiring dia mendapat separuh pahala solat duduk.”

(Riwayat Bukhari [1116])

3. Takbiratulihram

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri bahawa Nabi SAW bersabda:

مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطَّهُّورُ لَهْوَرُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

Maksudnya: “Kunci sembahyang adalah bersuci. Permulaannya ialah takbir dan penghujungnya ialah memberi salam.”

(Riwayat Ibnu Majah [276] dan Tirmizi [238])

Perkataan *ihram* bermaksud “mengharamkan”. Maka, dinamakan takbir permulaan solat sebagai takbiratulihram kerana dengan lafaz takbir ini, segala perkara yang sebelum itu halal menjadi haram untuk dilakukan semasa solat. Contohnya, makan, minum, berjalan, berbual dan seumpamanya adalah halal sebelum takbir dilafazkan. Namun, setelah seseorang melafazkan takbiratulihram, maka haramlah baginya melakukan perkara-perkara tersebut sepanjang solat.

Bagi memastikan takbiratulihram itu sah, maka disyaratkan supaya melakukan beberapa perkara berikut:

- Ketika melafazkannya, hendaklah berada dalam keadaan berdiri. Tidak sah takbir tersebut sekiranya dia melafazkannya ketika hendak berdiri menunaikan sembahyang atau sambil berjalan masuk ke dalam saf sekalipun hanya sedikit lagi kakinya akan sampai ke tempat berdiri itu.
- Melafazkannya ketika menghadap ke arah kiblat.
- Takbiratulihram mestilah dengan bahasa Arab, iaitu lafaz اللهُ أَكْبَرُ. Tetapi sekiranya seseorang itu tidak mampu menyebutnya dalam bahasa tersebut dan dia tidak mampu mempelajarinya pada waktu itu, maka bolehlah diterjemahkan kepada mana-mana bahasa yang dikehendaki yang mempunyai maksud yang sama dengan takbiratulihram tersebut. Walau

bagaimanapun, dia tetap wajib belajar melafazkan takbiratulihram menggunakan bahasa Arab apabila dia mampu berbuat demikian.

- Dia hendaklah mendengar kesemua huruf yang dilafazkan sekiranya pendengarannya itu dalam keadaan yang normal. Maka tidak sah bertakbir dengan hanya menggerakkan bibir tanpa bunyi kerana takbiratulihram adalah termasuk rukun qauli yang mesti berbunyi suara dan huruf-hurufnya melainkan orang yang bisu atau tercedera mulutnya sehingga tidak mampu berkata-kata.
- Hendaklah disertakan dengan niat ketika melafazkan takbiratulihram sebagaimana yang telah disebut.

Bagi orang yang bisu, wajib baginya untuk menggerakkan lidah dan kedua-dua bibirnya serta anak lidah yang berada di akhir lelangit untuk bertakbir sekadar kemampuannya. Sekiranya tidak mampu melakukan sedemikian, maka hendaklah dia mengungkapkan takbir di dalam hatinya sahaja. Selain itu, dia wajib membezakan antara niat solat dengan niat takbiratulihram di dalam hatinya. Imam Nawawi r.a. berpendapat bahawa niat itu cukup sekadar perbezaan secara uruf untuk melakukan solat.

Mengangkat tangan ketika takbiratulihram adalah sunat dan mengikut mazhab Syafi'i tangan diangkat separas bahu, iaitu pergelangan tangan akan berada pada paras bahu manakala jari jemari akan berada pada paras hujung telinga bahagian atas. Cara yang afdal ialah mula mengangkat kedua-dua tangan itu dari bawah dengan mula melafazkan takbir dan selesai diturunkan kedua-dua tangan ke bawah semula dengan selesainya melafazkan takbir. Maka jika seorang itu mengangkat kedua-dua tangannya dahulu ke atas kemudian baru melafazkan takbir atau melafazkan takbir dahulu kemudian baru mengangkat kedua-dua tangannya maka sembahyangnya sah tetapi kedua-dua cara tersebut tidak afdal.

4. Membaca Al-Fatihah

Membaca al-Fatihah merupakan rukun bagi setiap rakaat semua jenis sembahyang. Hadis yang diriwayatkan oleh Ubadah bin as-Samit bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Maksudnya: *Tidak sah sembahyang sesiapa yang tidak membaca surah al-Fatihah.*

(Riwayat Muslim [394])

Syarat-syarat Sah Bacaan Fatihah:

- Pembaca mestilah mendengar bacaannya itu, sekiranya dia mempunyai pendengaran yang normal.
- Bacaannya mestilah secara tertib, iaitu mengikut susunan ayat yang terdapat di dalam al-Quran sebagaimana yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW di samping meraikan makhraj (tempat keluar) huruf dan menzahirkan bacaan yang bertasydid (bersabdu).
- Hendaklah melafazkan satu-satu kalimah itu dengan lafaz yang tidak mengubah maknanya. Sekiranya melafazkannya dengan suatu lafaz yang tidak mempengaruhi kesahihan maknanya maka Fatihahnya tidak batal.
- Hendaklah dibaca dalam bahasa Arab, dan tidak sah dibaca terjemahannya kerana terjemahan itu bukan al-Quran.
- Bacaannya mesti dibaca dan disempurnakan ketika dalam keadaan berdiri. Sekiranya dia rukuk dalam keadaan bacaan Fatihahnya belum sempurna, maka bacaan Fatihahnya itu batal dan wajib diulangi semula.

5. Rukuk

Rukuk dari segi syarak ialah seorang yang bersembahyang membongkokkan badannya dengan kadar kedua-dua tapak tangannya sampai di kedua-dua lututnya. Ini adalah sekurang-kurang ukuran rukuk. Manakala yang paling sempurna ialah dia membongkokkan badannya sehingga belakangnya sama rata dalam keadaan menghala ke hadapan.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, rukuk dan sujudlah kamu.”*

(Surah al-Hajj 22: 77)

Syarat-syarat Rukuk:

Orang yang bersembahyang mestilah memastikan beberapa perkara berikut supaya rukuknya sah:

- Berada dalam keadaan membongkok dengan kadar sebagaimana yang telah disebutkan, iaitu tapak tangan sampai ke lututnya. Al-Imam Al-Bukhari (794) meriwayatkan daripada Abi Humaid Al-Saa'idi r.a. berkenaan dengan sifat sembahyang Rasulullah SAW:

وَإِذَا رَكَعَ أَمَكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ

“Apabila Baginda rukuk, Baginda SAW menekankan kedua-dua tangannya kepada kedua-dua lututnya.”

- Hendaklah dia tidak berniat ketika membongkokkan tubuhnya itu dengan tujuan yang lain daripada rukuk. Sekiranya dia membongkok kerana mengelak sesuatu kemudian dengan membongkok tersebut dia menjadikannya sebagai rukuk, maka tidak sah rukuknya, bahkan dia wajib berdiri semula kemudian membongkok dengan tujuan rukuk.
- Tamakninah, iaitu berada dalam keadaan tetap/tenang ketika rukuk sekadar mengucapkan satu tasbih Subhanallah. Ini adalah sekurang-kurang tamakninah.

Abu Humaid menceritakan tentang solat Rasulullah SAW yang meluruskan kepala dengan badan semasa rukuk:

ثُمَّ يَرْكَعُ وَيَضَعُ رَأْسَهُ عَلَى رُكْبَتَيْهِ ، ثُمَّ يَعْتَدِلُ فَلَا يَصُبُّ رَأْسَهُ وَلَا يُقْنَعُ

Maksudnya: “Kemudian Nabi SAW rukuk dengan meletakkan kedua-dua tangannya di atas lututnya, kemudian meluruskan kepalanya, Baginda SAW tidak mendongak kepalanya dan tidak jua menunduk.”

(Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 730)

Majoriti ulama berpegang bahawa bacaan rukuk, sujud, iktidal dan takbir Intiqal adalah sunat dan makruh ditinggalkan. Di sisi mazhab Syafi'i, yang sempurna ialah dibaca tasbih **سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ** sebanyak tiga kali. Jika dibaca lebih, maka ia digalakkan kepada yang solat sendirian, adapun yang menjadi imam tidak digalakkan membaca melebihi 3 kali kecuali jika makmum setuju untuk solat panjang.

Huzaifah r.a. menceritakan tentang solat malam Baginda yang sangat panjang dan rukuk Baginda dalam solat itu sama panjang dengan ketika berdiri. Ketika rukuk baginda membaca:

يَقُولُ فِي رُكُوعِهِ " سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ "

Dalam rukuk, Baginda mengucapkan: "Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung" diulang tiga kali.

(Riwayat Abu Daud [874] dan an-Nasa'i [1145]. Hadis ini adalah sahih)

6. Iktidal

Iktidal ialah berdiri yang memisahkan antara rukuk dan sujud. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada lelaki yang tidak sempurna sembahyangnya, bertujuan mengajarnya cara yang sempurna.

ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا

Maksudnya: "Kemudian angkatlah (kepala kamu) sehingga berdiri dalam keadaan tegak."

(Riwayat Bukhari [757] dan Muslim [397])

Syarat-syarat Iktidal:

- Tidak qasad atau niat selain ibadah ketika bangun daripada rukuk.
- Hendaklah berada dalam keadaan tamakninah, iaitu berhenti sebentar sekadar tempoh mengucapkan tasbih.
- Tidak beriktidal terlalu lama ketika berdiri seperti lebih daripada masa membaca Fatihah. Hal ini demikian kerana ia merupakan rukun yang pendek yang tidak harus dipanjangkan masa berdirinya.

Abu Hurairah r.a. menyatakan ketika Nabi SAW bangun daripada rukuk, Baginda membaca:

سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

“Allah mendengar orang yang memujinya.” Kemudian, sebelum turun sujud, Baginda membaca:

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ

“Tuhan kami, segala pujian untuk-Mu.”

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 789)

Rafi' az-Zaraqi r.a. berkata: Suatu hari, kami solat bersama Nabi Muhammad SAW. Apabila Baginda mengangkat kepalanya dari rukuk, Baginda membaca “Sami'allahu Liman Hamidah”. Seorang lelaki di belakangnya membaca:

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ

Maksudnya: *“Tuhan kami, untuk-Mu segala puji, pujian yang banyak, lagi baik, lagi diberkati.”* Selesai solat, Nabi bertanya: ‘Siapa yang membaca kalimah tadi?’ Lelaki itu menjawab: ‘Saya.’ Nabi SAW bersabda: ‘Aku melihat lebih kurang 30 malaikat berlumba-lumba untuk menjadi orang yang pertama mencatatnya.’”

(Sahih al-Bukhari [99])

7. Sujud

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang).”*

(Surah al-Hajj 22: 77)

Sabda Rasulullah SAW kepada lelaki yang tidak sempurna sembahyangnya dengan tujuan mengajarnya cara sembahyang yang sempurna:

ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا

Maksudnya: *“Kemudian sujudlah hingga kamu sujud dalam keadaan bertamakninah, kemudian angkat (kepala kamu) sehingga kamu duduk dalam keadaan bertamakninah, kemudian sujud hingga kamu sujud dalam keadaan bertamakninah.”*

(Riwayat Bukhari [757] dan Muslim [397])

Syarat sah sujud ialah:

- Terbuka dahi (tidak berlapik/tidak tertutup) ketika meletakkannya ke tempat sujud.
- Sujud hendaklah berlaku di atas tujuh anggota sebagaimana yang telah dihitung oleh Nabi SAW dalam sabdanya:

أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظَمٍ عَلَى الْجَبْهَةِ، وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ وَالْيَدَيْنِ وَالرُّكْبَتَيْنِ، وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ

Maksudnya: “Aku diperintahkan sujud dengan tujuh tulang anggota, iaitu dahi (sambil Baginda SAW mengisyaratkan tangannya ke bahagian atas hidung), kedua-dua tapak tangan, kedua-dua lutut dan hujung kedua-dua belah kaki.”

(Riwayat al-Bukhari [812] dan Muslim [490])

Walau bagaimanapun, anggota yang lain daripada dahi tidak wajib berada dalam keadaan terbuka (tidak berlapik/tidak tertutup):

- Hendaklah terangkat bahagian paling bawah (punggung) melebihi bahagian yang paling atas (kepala), sekadar yang termampu kerana mengikut perbuatan Rasulullah SAW.
- Hendaklah tidak sujud di atas pakaian yang bersambung dengannya dengan pakaian tersebut akan bergerak dengan pergerakannya.
- Hendaklah tidak berniat lain daripada sujud seperti takut dan seumpamanya.
- Hendaklah ditekan dahi ke lantai (tempat sujud) dengan tekanan yang nyata. Sekiranya di tempat sujudnya (di bawah dahinya) ada kapas atau seumpamanya, nescaya kapas tersebut akan tertekan dan akan nyata kesan sujud di atasnya.
- Hendaklah berada dalam keadaan tenang (bertamakninah) ketika sujud. Sekurang-kurang kadarnya ialah sekadar mengucapkan tasbih.

Menurut jumhur ulama fiqh daripada kalangan ulama Hanafi, Syafi'i dan Hanbali, sujud yang sempurna ialah mengucapkan takbir ketika turun untuk sujud dengan meletakkan kedua-dua lutut terlebih dahulu kemudian kedua-dua tangan, kemudian dahi dan hidung. Kedua-dua tangan diletakkan bersempitan dengan kepala bahu sambil jarinya dirapatkan, tidak digenggam dan diarahkan kepada kiblat. Perut diceraikan (dijauhkan) dari kedua-dua paha dan kedua-dua siku diangkat dari lantai dan juga diregangkan dari kedua-dua pinggang sambil mengucapkan سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ iaitu Maha Suci Rabb-ku yang Maha Tinggi dan segala puji bagi-Nya" sebanyak 3 kali.

Sekiranya seseorang itu meletakkan kedua-dua tangannya terlebih dahulu sebelum kedua-dua lututnya, ia masih dibolehkan namun telah meninggalkan perkara sunat. Hal ini adalah berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Wa'il bin Hujur RA, beliau berkata:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَجَدَ وَضَعَ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ وَإِذَا نَهَضَ رَفَعَ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ

Maksudnya: *Aku telah melihat Nabi ﷺ ketika ingin sujud, Baginda ﷺ meletakkan kedua-dua lututnya sebelum kedua-dua tangannya dan ketika ingin bangun dari sujud mengangkat kedua-dua tangannya sebelum kedua-dua lututnya.*

(Riwayat Abu Daud [838], Al-Tirmizi [268], Al-Nasa'ie [1089] & Ibn Majah [882])

Dianjurkan membanyakkan doa ketika sujud terakhir

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ

Nabi SAW bersabda: *“Seorang hamba paling dekat dengan Tuhan-Nya tatkala dia sedang sujud, maka perbanyakkanlah doa ketika sujud.”*

(Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 482)

Dibolehkan untuk memperbanyak doa sama ada secara lisan ataupun dalam hati. Terdapat khilaf untuk menggunakan bahasa selain Arab untuk berdoa secara lisan. Yang terpilih ialah berdoa menggunakan bahasa Arab secara lisan. Adapun jika menggunakan bahasa Melayu, maka cukuplah di dalam hati.

Perbezaan lelaki dan wanita ketika sujud

Perempuan berbeza dengan lelaki dalam sesetengah keadaan seperti sujud. Perempuan hendaklah merapatkan sesetengah anggota kepada anggota yang lain ketika sujud. Ketika lelaki diperintahkan agar merenggangkan kedua-dua sikunya dari dua rusuk ketika rukuk dan sujud, serta mengangkat perutnya daripada kedua-dua pahanya ketika sujud, wanita pula digalakkan untuk merapatkan kedua-dua siku kepada dua rusuk ketika rukuk dan sujud serta merapatkan perut dengan kedua-dua paha ketika sujud.

8. Duduk antara Dua Sujud

Duduk antara dua sujud merupakan salah satu daripada rukun solat. Hal ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aisyah r.ha., beliau berkata:

وَكَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ السُّجُودِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَاعِدًا

Maksudnya: “... Apabila Baginda bangun dari sujud, Baginda tidak terus sujud kali kedua sehingga duduk dengan betul terlebih dahulu...”

(Riwayat Abu Daud [783]. Hadis ini adalah sahih)

Syarat-syarat Sah:

- Hendaklah berniat melakukan ibadat ketika duduk dan bukan kerana selainnya seperti takut dan seumpamanya.
- Tidak duduk dalam tempoh yang terlalu lama; melebihi daripada masa sekurang-kurang tasyahud.
- Tamakninah yang berkadar dengan sekurang-kurangnya mengucapkan tasbih.

Cara duduk di antara dua sujud adalah **duduk iftirasy**, iaitu duduk di atas tapak kaki kiri sambil menegakkan tapak kaki kanan. Disebutkan dalam hadis Abu Humaid yang menunjukkan cara solat Nabi SAW:

ثُمَّ ثَنَى رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَقَعَدَ عَلَيْهَا

Maksudnya: “Kemudian baginda membentangkan kaki kirinya dan duduk di atasnya.”

(Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Solat, no: 304, hasan sahih)

Wail bin Hujr r.a. menyatakan bahawa aku melihat Nabi SAW:

حِينَ جَلَسَ فِي الصَّلَاةِ افْتَرَشَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى ، وَنَصَبَ رِجْلَهُ الْيُمْنَى

Maksudnya: “Ketika duduk dalam solat, Baginda membentangkan kaki kirinya dan menegakkan kaki kanannya.”

(Sahih Ibn Khuzaimah, Kitab as-Solat, hadis no: 691)

Duduk Di Atas Tumit (Al-Iq'a)

أَخْبَرَنِي أَبُو الزُّبَيْرِ ، أَنَّهُ سَمِعَ طَاوُسًا ، يَقُولُ : قُلْنَا لِابْنِ عَبَّاسٍ : فِي الْإِقْعَاءِ عَلَى الْقَدَمَيْنِ ، فَقَالَ : هِيَ السُّنَّةُ ، فَقُلْنَا لَهُ : إِنَّا لَنَرَاهُ جَفَاءً بِالرَّجْلِ ، فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : " بَلْ هِيَ سُنَّةُ نَبِيِّكَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "

Maksudnya: “Thawus berkata kepada Ibn 'Abbas r.a. tentang duduk al-Iq'a' di atas kedua-dua kaki, beliau menjawab: ‘Ia adalah sunnah.’ Kami berkata: ‘Kami melihat ia sesuatu yang sukar untuk kaki.’ Ibn 'Abbas menjawab: ‘Bahkan ia adalah sunnah Nabi kalian SAW.’”

(Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 536)

Diriwayatkan Abdullah Ibn 'Abbas berkata:

مِنْ سُنَّةِ الصَّلَاةِ أَنْ تَمَسَّ إِيَّكَ عَقَبُكَ". زَادَ فِيهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْوَلِيدِ الْعَدَنِيُّ، عَنْ سُفْيَانَ : " بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ "

Maksudnya: “Antara sunnah ialah menyentuh punggung dengan tumit. Perawi berkata (iaitu ketika duduk) antara dua sujud.”

(Riwayat at-Tabrani [11/50] [11010]. Ini adalah hadis sahih)

Bacaan duduk antara dua sujud

Daripada Ibn Abbas r.a., Nabi Muhammad SAW membaca ketika duduk antara dua sujud:

رَبِّ اغْفِرْ لِي ، وَارْحَمْنِي ، وَاجْزِنِي ، وَارْفَعْنِي ، وَارْزُقْنِي ، وَاهْدِنِي

Maksudnya: “Ya Allah ampunilah aku, rahmatilah aku, perbaikilah kekuranganku, angkatlah derajatku, berilah rezeki kepadaku dan berilah petunjuk kepadaku.”

(Musnad Ahmad, Musnad Abdullah bin 'Abbas, no: 2895)

Dalam riwayat Abu Daud:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَعَافِنِي وَاهْدِنِي وَارْزُقْنِي

Maksudnya: “Ya Allah ampuni aku, rahmati aku, maafkan aku, berikan ku petunjuk, dan kurniakan rezeki kepadaku.”

(Sunan Abi Daud, Kitab al-Solat, no: 850)

Boleh membaca apa-apa doa yang dikehendaki ketika duduk antara dua sujud, akan tetapi apa yang ada di dalam hadis ini adalah lebih afdal.

9. Duduk Tahiyat Akhir

Duduk tahiyat akhir ialah duduk yang berlaku di akhir rakaat sembahyang, sebelum memberi salam. Para fuqaha menyatakan bahawa terdapat dua jenis duduk yang dilakukan oleh seseorang ketika tahiyat akhir. Yang pertama adalah duduk **tawarruk**, dan keduanya adalah duduk secara **iftirasy**.

Kedua-dua cara duduk ini boleh dijelaskan seperti berikut:

- Duduk *Tawarruk*: Seseorang itu duduk dalam keadaan tapak kaki kanannya berdiri tegak, dan jari jemari kaki kanannya menghadap ke arah kiblat. Manakala kaki kirinya dilipat ke arah kaki kanan, dan dia meletakkan bahagian punggungnya di atas lantai atau tanah.
- Duduk *Iftirasy*: Seseorang itu duduk dengan meletakkan bahagian punggungnya di atas kaki kirinya. Manakala tapak kaki kanan itu ditegakkan jari jemarinya menghadap ke arah kiblat.

Para fuqaha Syafi'iyah menjelaskan bahawa tidak ditentukan cara duduk untuk mengatakan bahawa dengannya dianggap sah. Maka cara duduk yang bagaimana pun dianggap sebagai sah. Akan tetapi, yang sunnah ketika duduk semasa akhir solat adalah duduk *tawarruk*, dan duduk yang kedua itu adalah secara *iftirasy*. Ini sebagaimana yang dikatakan oleh Imam al-Nawawi: “Bahkan apa cara duduk yang mampu dilakukan adalah sah, sama ada secara *tawarruk* mahupun *iftirasy*. Tetapi yang menepati sunnah adalah dengan duduk *tawarruk* pada akhir solat, dan duduk *iftirasy* pada selainnya.

‘Abdullah bin ‘Umar r.a. menceritakan bahawa Nabi SAW:

كَانَ إِذَا جَلَسَ فِي الصَّلَاةِ ، وَضَعَ كَفَّهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخْذِهِ الْيُمْنَى ، وَقَبَضَ أَصَابِعَهُ كُلَّهَا ، وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ
الَّتِي تَلِي الْإِبْهَامَ ، وَوَضَعَ كَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخْذِهِ الْيُسْرَى "

Maksudnya: “Apabila Baginda duduk di dalam solat, Baginda meletakkan telapak tangan kanannya di atas paha kanannya, kemudian menggenggam kesemua jari-jemarinya, dan

mengisyaratkan dengan jari telunjuknya, dan meletakkan pula telapak tangan kirinya di atas paha kirinya.”

(Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no:580)

Disunatkan meletakkan kedua-dua tangan di atas peha. Tangan kanan digenggam dan jari telunjuk kanan memberi isyarat ke arah kiblat, hujung jari hampir sama dengan lutut.

10. Membaca Tasyahud Akhir

Terdapat beberapa riwayat (kesemuanya adalah sahih) yang meriwayatkan lafaz tasyahud ini dan lafaz yang sempurna di sisi al-Imam Syafi'i r.a. adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim (403) dan lainnya, daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa dia berkata:

Rasulullah SAW mengajar kami membaca tasyahud sebagaimana Baginda SAW mengajar kami membaca al-Quran. Baginda membaca:

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْنا وَعَلَى
عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya: “Segala ucapan penghormatan yang membawa keberkatan dan selawat yang baik adalah bagi Allah. Salam sejahtera, rahmat dan keberkatan Allah ke atas engkau wahai Nabi. Salam sejahtera juga ke atas kami dan para hamba Allah yang soleh. Aku menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan aku juga menyaksikan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah.”

Beberapa Perkara yang Perlu Diambil Perhatian Ketika Membaca Tasyahhud

- Hendaklah dia mendengar bacaannya sendiri jika pendengarannya normal.
- Membaca secara berturut-turut/bersambung-sambung. Sekiranya antara satu ayat diselangi dengan diam yang panjang atau zikir yang lain, batal bacaan tasyahhudnya dan wajib diulangi semula.
- Membaca dalam keadaan duduk, kecuali jika keuzuran, maka harus membacanya dalam mana-mana keadaan yang boleh dilakukan.
- Membaca menggunakan bahasa Arab. Sekiranya tidak mampu membaca dengannya, maka diterjemahkan ke mana-mana bahasa yang dia kehendaki. Walau bagaimanapun, ia tetap diwajibkan mempelajari bacaan dengan bahasa Arab tersebut.
- Menjaga makhraj (tempat keluar huruf) dan segala syaddah (sabdu) ketika membacanya. Sekiranya berubah makhraj atau tidak mengambil berat dengan

bacaan syaddah atau salah dalam menyebut kalimah sehingga mengubah maknanya, maka batal bacaan tasyahud dan wajib diulangi bacaannya semula.

- Dibaca mengikut susunan sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah SAW.

Kedudukan Jari ketika Tahiyat

Mengikut pandangan mazhab Syafi'i, jari telunjuk diangkat ketika mula melafazkan kalimah **إِلَّا اللَّهُ** dan jari tersebut hendaklah dibengkokkan atau dicondongkan sedikit supaya menghadap kilat serta diniatkan mengangkat jari itu untuk mentahqiqkan tauhid kepada Allah SWT. Selain itu, jari telunjuk kanan itu hendaklah kekal dalam keadaan demikian hingga bangun jika dia dalam tasyahud awal atau hingga memberi salam, iaitu salam kedua jika dalam tasyahud akhir sebagaimana yang ditegaskan oleh Al-Dimyati di dalam kitabnya *I'anaḥ al-Talibin*.

Bagi mazhab Syafi'i dan Hanbali, tidak disunatkan untuk menggerakkan jari telunjuk ketika membaca tahiyat bahkan makruh sebagai keluar daripada khilaf ulama kerana ada sebahagian ulama mengharamkannya serta batal solatnya. Ada juga yang berpendapat bahawa sunat menggerakkan jari sebagai mengikut sunnah seperti pendapat mazhab Maliki. Kedua-dua ini bersumberkan hadis yang sahih.

Pandangan Mata ketika Tahiyat

Ulama Syafi'i menegaskan bahawa sunat untuk memandang ke arah tempat sujud ketika semua keadaan dalam solat termasuklah ketika tahiyat, kecuali ketika menyebut **إِلَّا اللَّهُ**. Pada ketika itu, disunatkan untuk memandang jari telunjuk dan kekal begitu sehinggalah bergerak kepada rukun yang lain ketika tahiyat awal ataupun memberi salam pada tahiyat akhir.

11. Selawat ke atas Nabi selepas Tasyahud Akhir

Selawat ini diucapkan selepas sempurna lafaz tasyahud sebagaimana yang telah disebut, dan sebelum memberi salam. Sekurang-kurang lafaz selawat ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Ya Allah, berselawatlah ke atas Muhammad.

Lafaz yang sempurna ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Maksudnya: Ya Allah, berselawatkan ke atas Muhammad dan ke atas keluarga Muhammad, sebagaimana engkau berselawat ke atas Ibrahim dan ke atas keluarga Ibrahim. Berkatkanlah ke atas Muhammad dan ke atas keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah berkatkan ke atas Ibrahim dan ke atas keluarga Ibrahim, dalam kalangan sekalian alam (makhluk). Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji Lagi Maha Mulia.

Lafaz selawat ini thabit dalam hadis-hadis sahih yang telah diriwayatkan oleh Bukhari (1390), Muslim (406) dan lain-lainnya.

Syarat Berselawat:

- Hendaklah dibaca hingga dia mendengarnya sendiri jika pendengarannya normal.
- Hendaklah dengan lafaz محمد atau dengan lafaz رسول atau النبي. Sekiranya dibaca dengan lafaz أحمد sebagai contohnya, maka ia tidak memadai dan tidak sah.
- Lafaznya hendaklah dalam bahasa Arab. Sekiranya tidak mampu membacanya dalam bahasa Arab, maka boleh diterjemah ke mana-mana bahasa yang dikehendaki dan wajib ke atasnya bersegera mempelajarinya sekiranya mampu berbuat demikian.
- Selawat tersebut dibaca dengan tertib (sebagaimana yang tersusun) dan dibaca selepas tasyahud. Tidak sah sekiranya bacaan selawat mendahului bacaan tasyahud.

Syeikh Arsyad al-Banjari menyatakan bahawa sunat berdoa selepas tasyahud akhir, iaitu selepas membaca selawat dalam bacaan tasyahud akhir. Imam al-Mawardi dalam kitabnya Sabil al-Muhtadin menyatakan bahawa disunatkan berdoa berbentuk agama dan harus berbentuk dunia. Daripada Abu Hurairah r.a., beliau mendengar bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنَ التَّشَهُّدِ الْآخِرِ، فَلْيَتَعَوَّذْ بِاللّٰهِ مِنْ أَرْبَعٍ: مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya: “Apabila kamu selesai membaca tasyahud akhir, maka mohonlah berlindung dengan Allah daripada empat perkara: Daripada seksaan kubur, seksaan neraka Jahanam, fitnah kehidupan dan kematian, serta daripada kejahatan al-Masih al-Dajjal.”

(Riwayat Muslim [588])

Daripada hadis ini, doa yang boleh diamalkan adalah:

اللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

“Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada azab neraka, azab kubur, fitnah kehidupan dan kematian serta daripada kejahatan (fitnah) Dajjal.”

Daripada Abu Bakar r.a., beliau bertanya kepada Rasulullah SAW: Ajarkanlah kepadaku satu doa untuk aku membacanya di dalam solatku, lalu Nabi SAW bersabda:

اللّٰهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَاعْفُ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku telah banyak menzalimi diriku dan tidak ada yang dapat mengampunkan dosa-dosa melainkan Engkau. Maka, Kauampunilah dosa-dosaku serta rahmatilah aku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Riwayat al-Bukhari [834])

12. Salam Pertama

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri bahawa Nabi SAW bersabda:

مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطَّهُّورُ لَهْوٌ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

Maksudnya: “Kunci sembahyang adalah bersuci. Permulaannya ialah takbir dan penghujungnya ialah memberi salam.”

(Riwayat Ibnu Majah [276] dan Tirmizi [238])

Salam yang pertama merupakan kefarduan atau rukun di dalam solat, maka ia wajib dilafazkan seperti kewajipan melafazkan takbiratulihram. Disunatkan juga untuk dilakukan sebanyak dua kali, iaitu salam yang pertama menghadapkan wajah ke arah

kanan adalah wajib manakala salam yang kedua ke arah kiri adalah sunat. Jika salam pertama tidak dilakukan, maka solat adalah tidak sah kerana tidak memenuhi salah satu daripada rukun solat.

Sekurang-kurang lafaz salam ialah *السلام عليكم* (Selamat sejahtera ke atas kamu) sebanyak satu kali. Sekiranya dia menyebutnya dengan kurang satu huruf daripada huruf-hurufnya ini, maka tidak sah salamnya itu. Yang lebih sempurna ialah lafaz *السلام عليكم وَرَحْمَةُ اللَّهِ* (Selamat sejahtera dan juga rahmat Allah ke atas kamu). Salam yang pertama adalah wajib, manakala salam yang kedua adalah sunat.

Al-Imam Muslim (582) meriwayatkan daripada Saad r.a. bahawa katanya:

كُنْتُ أَرَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ يَسَارِهِ حَتَّى أَرَى بَيَاضَ خَدِّهِ

Maksudnya: “Aku melihat Rasulullah SAW mengucapkan salam ke kanan dan ke kirinya hingga kelihatan putih pipinya.”

Abu Daud (996) dan an-Nasa’ie (1325) meriwayatkan hadis sahih daripada Ibnu Mas’ud r.a.:

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ: «السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ» حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ الْأَيْمَنِ وَعَنْ يَسَارِهِ: «السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ» حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ الْأَيْسَرِ

Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila memberi salam (ketika solat), Baginda memberi salam ke sebelah kanannya dengan lafaz: *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ* (Selamat sejahtera dan juga rahmat Allah ke atas kamu) sehingga terlihat putih pipi kanannya. Dan ke sebelah kirinya dengan lafaz: *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ* (Selamat sejahtera dan juga rahmat Allah ke atas kamu) sehingga terlihat putih pipi kirinya.

- Hendaklah memulakan salam (menyebut: *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ*) dalam keadaan menghadap ke hadapan (arah kiblat), dan hanya menoleh kepala ketika menyebut: *وَرَحْمَةُ اللَّهِ*, untuk menghindari perbuatan *al-iltifat* (sesuka hati menoleh dengan pantas) di dalam solat.
- Disunatkan untuk menoleh kepala ke kanan pada salam pertama sehingga makmum di kanan boleh melihat pipi kanan Imam, dan menoleh kiri pada salam yang kedua sehingga makmum kiri boleh melihat pipi kiri Imam. Imam Abu Hamid al-Ghazali berkata dalam kitab *al-Ihya’*: bahkan sehingga makmum belakang boleh melihatnya.
- Dilarang untuk memanjangkan bacaan salam. Beri salam dengan tempoh masa yang pendek dan singkat di sisi Imam Ibn Hajar al-Haitami dalam kitab *al-Tuhfah*.

- Lafaz salam yang sempurna adalah: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** *Assalamu'alaikum warahmatullah*, manakala penambahan **وَبَرَكَاتُهُ** *wabarakatuh* hanya dilafazkan ketika solat jenazah sahaja.

Imam al-Nawawi ada menyebutnya di dalam kitab beliau *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*:-

قَالَ أَصْحَابُنَا وَلَوْ سَلَّمَ التَّسْلِيمَتَيْنِ عَنْ يَمِينِهِ أَوْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَلَقَّاهُ وَجْهَهُ أَجْزَأُهُ وَكَانَ تَارِكًا لِلسُّنَّةِ قَالَ
الْبَغَوِيُّ وَلَوْ بَدَأَ بِالْيَسَارِ كُرْهًا وَأَجْزَأُهُ

Maksudnya: Para ulama kami (mazhab Syafi'i) berkata sekiranya seseorang itu memberi dua salam dengan menghadap ke arah kanannya sahaja, atau menghadap ke arah kirinya sahaja, ataupun hanya menghadap ke arah hadapan, ia adalah sah namun ia dikira meninggalkan sunnah. Imam al-Baghawi berkata, sekiranya dia memulakan salam pertama dengan menghadap ke arah kiri terlebih dahulu, maka solatnya adalah sah namun hukumnya makruh.

Dapat difahami, sekiranya seseorang itu memberi dua salam dengan cara mengucapkan salam pertama ke arah kiri terlebih dahulu sebelum kanan, maka solatnya tetap sah, namun perbuatannya itu dihukumkan makruh kerana ia berlawanan dan meninggalkan sunnah Nabi SAW yang mendahulukan salam pertama dengan menghadap ke arah kanan, seterusnya salam kedua ke arah kiri.

Selain itu, tidak disyariatkan untuk mengangguk-anggukkan kepala semasa memberi salam ketika tahiyat akhir. Perbuatan itu bukan sunnah, malah jika dibuat secara berlebihan boleh dianggap menyalahi adab solat atau meniru-niru perbuatan yang tiada dalam ajaran Nabi SAW. Tiada riwayat sahih yang menunjukkan Rasulullah SAW mengangguk kepala waktu beri salam. Apa yang ada hanyalah memalingkan wajah ke kanan dan kiri.

13. Tertib

Maksud tertib dalam solat ialah memelihara urutan yang betul bagi setiap perbuatan dalam solat. Ia bermaksud mendahulukan yang sepatutnya didahulukan dan mengemudiankan yang sepatutnya dikemudiankan dalam melaksanakan rukun-rukun solat. Contoh tertib ialah melakukan rukuk dahulu dari sujud. Oleh itu, jika sengaja sujud dahulu sebelum melakukan rukuk maka batal sembahyangnya.

Adapun jika terlupa, iaitu sujud sebelum rukuk dalam keadaan tidak disengajakan, maka wajib bangun semula untuk melakukan rukuk kerana belum lagi dikira melakukan rukuk. Kemudian hendaklah dia iktidal dan sujud. Sujud yang dia telah lakukan sebelum itu adalah tidak dikira kerana tidak mengikut tertib.

Begitu juga wajib bangun melakukan rukuk yang tertinggal jika teringat meninggalkan rukuk semasa duduk antara dua sujud atau sujud yang kedua atau berdiri pada rakaat yang seterusnya.

Tetapi jika dia teringat bahawa dia telah meninggalkan rukuk selepas melakukan rukuk pada rakaat yang selepas itu, maka tidak lagi diulangi rukuk yang tertinggal dan rakaat terdahulu adalah tidak dikira. Dan rakaat yang dia sedang lakukan itu adalah dikira. Kemudian hendaklah dia menambah rakaat yang kurang itu. Dan sunat dia melakukan sujud sahwi sebelum salam atas kelupaannya itu.

Berasaskan kepada kaedah di atas, sekiranya dia terus melakukan sembahyang selepas mengubah tertib yang telah ditentukan oleh syarak sehingga sampai kepada rukun yang sama pada rakaat seterusnya, maka rakaat yang sah yang dilakukan selepas rakaat yang batal dikira menggantikan rakaat yang batal itu. Dengan ini, dia wajib menambah satu rakaat untuk sembahyang tersebut. Ini dilakukan sebagai ganti kepada rakaat yang batal disebabkan rukun-rukunnya dilakukan tanpa tertib.

Begitu juga dilakukan apabila seorang yang turun daripada rukuk terlupa sujud lalu terus duduk membaca tasyahud akhir, maka hendaklah dia meninggalkan tasyahud tersebut dan melakukan sujud yang tertinggal itu. Kemudian, wajib diulangi membaca tasyahud kerana tasyahud yang terdahulu adalah tidak dikira kerana meninggalkan tertib.

Jika selepas memberi salam seorang itu syak sama ada dia rukuk dahulu atau sujud dahulu, maka tidak perlu diulangi lagi sembahyangnya itu. Adapun jika selepas salam dia yakin meninggalkan tertib, maka hendaklah dia masuk semula dalam sembahyang dan melakukan tertib dengan betul jika tempoh yang tidak lama dengan memberi salam. Jika sudah lama memberi salam atau sudah melakukan perkara yang membatalkan sembahyang maka wajib dikerjakan semua sembahyang dari awal.

PENUTUP

Hadis yang diriwayatkan oleh Malik bin Al-Huwairith r.a., Rasulullah ﷺ bersabda:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Maksudnya: *“Solatlah sebagaimana kamu melihat aku solat.”*

(Riwayat al-Bukhari [631])

Dalil ini mengingatkan kita bahawa solat mempunyai rukun dan tatacara tersendiri yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW. Dengan menunaikan setiap rukun solat dengan sempurna, kita bukan sahaja menepati kehendak Allah SWT tetapi juga memastikan ibadah ini diterima dan memberi kesan rohani yang sebenar kepada diri kita.

SESI KELIMA

PERKARA SUNAT DAN MAKRUH KETIKA SOLAT

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Melalui topik ini, pelajar akan dapat mengenal pasti dan memahami perkara-perkara sunat sebelum, semasa (sunat ab'ad dan sunat hai'at), dan selepas solat untuk menambah kesempurnaan dan kekhusyukan ibadah serta mengenal pasti perkara makruh yang boleh mengganggu solat dan mengurangkan keberkatan amalan.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Perkara Sunat sebelum Solat
- Perkara Sunat semasa Solat
- Sunat Ab'ad dan Sunat Hai'at
- Sujud Sahwi
- Perkara Sunat selepas Solat
- Perkara Makruh Solat

SESI KELIMA: PERKARA SUNAT DAN MAKRUH KETIKA SOLAT

PENDAHULUAN

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda:

" إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ النَّاسُ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ أَعْمَالِهِمْ الصَّلَاةُ قَالَ يَقُولُ رَبُّنَا جَلَّ وَعَزَّ لِمَلَائِكَتِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ انْظُرُوا فِي صَلَاةِ عَبْدِي أَتَمَّهَا أَمْ نَقَصَهَا فَإِنْ كَانَتْ تَامَةً كُتِبَتْ لَهُ تَامَةً وَإِنْ كَانَ انْتَقَصَ مِنْهَا شَيْئًا قَالَ انْظُرُوا هَلْ لِعَبْدِي مِنْ تَطَوُّعٍ فَإِنْ كَانَ لَهُ تَطَوُّعٌ قَالَ أَتَمَّوْا لِعَبْدِي فَرِيضَتَهُ مِنْ تَطَوُّعِهِ ثُمَّ تَوَخَّذُوا الْأَعْمَالَ عَلَى ذَاكُمْ "

Maksudnya: "Sesungguhnya amalan pertama yang dihitung bagi manusia di Hari Kiamat ialah solat. Baginda SAW bersabda, 'Allah SWT berfirman kepada para malaikat-Nya sedang Dia lebih mengetahui: 'Lihatlah pada solat hamba-Ku ini sama ada ia telah disempurnakan atau masih ada kurang? Sekiranya sudah sempurna, tulislah sempurna. Sekiranya masih ada kurang, Firman-Nya: Lihatlah adakah ada pada hamba-Ku itu amalan-amalan sunat. Sekiranya ada, Firman-Nya: Sempurnakanlah bagi hamba-Ku itu amalan fardunya dengan amalan sunatnya, kemudian dikira amalan-amalan dalam keadaan itu."

Selepas memahami rukun solat, satu lagi aspek penting dalam ibadah ini ialah mengetahui perkara-perkara sunat, makruh dan yang membatalkan solat. Pengetahuan ini sangat diperlukan kerana ia membantu kita menjaga kualiti, kesempurnaan dan kesahan solat.

Perkara sunat menambahkan ganjaran dan kecantikan solat, perkara makruh pula perlu dijaui agar solat tidak hilang nilai dan khusyuk, manakala perkara yang membatalkan solat perlu diambil perhatian agar ibadah tidak sia-sia. Dengan memahami ketiga-tiga kategori ini, kita dapat mencontohi cara Nabi SAW bersolat dengan lebih tepat.

PERKARA YANG DISUNATKAN

Sunat ialah perkara yang dituntut ke atas manusia supaya melakukannya dengan tuntutan yang tidak wajib; melakukannya akan diberi pahala dan meninggalkannya tidak dikenakan seksaan atau dosa. Sembahyang mempunyai syarat-syarat dan rukun-rukun yang mesti dan wajib dilakukan supaya sembahyang yang didirikan menjadi sah. Kesemua perkara itu telah disebut sebelum ini. Sembahyang juga mempunyai perkara-perkara sunat yang dituntut kepada orang yang sembahyang supaya melakukannya.

Sunat sembahyang itu banyak dan secara keseluruhannya ia terbahagi kepada tiga bahagian:

- A. Perkara sunat yang ditunaikan sebelum solat.
- B. Perkara sunat yang ditunaikan ketika solat.
- C. Perkara sunat yang ditunaikan selepas solat

A. Perkara Sunat yang Ditunaikan Sebelum Solat

- Azan. Penjelasan berkenaan dengan erti, dalil, syarat dan semua perkara yang berkaitan telah dijelaskan dalam bab yang lepas.
- Iqamah. Penjelasan dari segi makna, syarat dan perbezaan antaranya dengan azan telah dijelaskan dalam tajuk yang lalu.
- Meletakkan **sutrah** atau sesuatu pemisah di hadapannya yang memisahkan antaranya dengan orang-orang yang lalu lalang seperti dinding, tiang, tongkat atau dengan menghampar sejadah dan seumpamanya. Sekiranya perkara-perkara tersebut tidak ada, maka dia hendaklah membuat satu garisan di hadapannya.

Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., beliau berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ يَوْمَ الْعِيدِ أَمَرَ بِالْحَرْبَةِ فَنُوضَعُ بَيْنَ يَدَيْهِ، فَيُصَلِّي إِلَيْهَا وَالنَّاسُ وَرَاءَهُ، وَكَانَ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي السَّفَرِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW apabila pergi menunaikan solat hari raya, Baginda meminta sebatang tombak pendek (حَرْبَةٍ) diletakkan di hadapannya, lalu Baginda menghadapnya manakala orang ramai pula di belakang Baginda ketika bermusafir.”

(Riwayat al-Bukhari [472] dan Muslim [501])

Sementara cara yang afdal pula ialah meletakkan sekatan berhampiran dengan tempat sujud. Hal ini berdasarkan hadis, daripada Sahal bin Sa'ad r.a., katanya:

كَانَ بَيْنَ مُصَلِّي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ الْجِدَارِ مَمَرٌ الشَّاةِ

Maksudnya: “Jarak di antara tempat sujud Rasulullah SAW dan dinding ialah seluas laluan kambing.”

(Riwayat al-Bukhari [474] dan Muslim [508])

B. Perkara sunat yang ditunaikan ketika solat

Ia terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sunat ab'ad.
2. Sunat haiat.

Sunat ab'ad ialah semua perkara yang kalau ditinggalkan, maka ia boleh ditampung semula dengan sujud sahwi di akhir sembahyang. Manakala **sunat hai'at** ialah perkara yang kalau ditinggalkan, ia tidak membawa kepada perlunya sujud sahwi.

Perkara Sunat Ab'ad ialah:

- Membaca tasyahud awal

Maksud tasyahud awal ialah tasyahud yang dibaca ketika duduk yang tidak disudahi dengan salam, iaitu duduk di penghujung rakaat kedua bagi sembahyang zuhur, asar, maghrib dan isyak disunatkan membaca tasyahud ketika itu. Diriwayatkan daripada Abdullah bin Buhainah r.a., katanya:

إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِهِمُ الظُّهْرَ فَقَامَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ لَمْ يَجْلِسْ، فَقَامَ النَّاسُ مَعَهُ حَتَّى إِذَا قَضَى الصَّلَاةَ وَانْتَظَرَ النَّاسُ تَسْلِيمَهُ كَبَّرَ وَهُوَ جَالِسٌ، فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ، ثُمَّ سَلَّمَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi SAW solat zuhur mengimami mereka. Lalu, Baginda terus bangkit daripada rakaat kedua dan tidak duduk tasyahud. Maka, orang yang solat bersama Nabi turut berdiri bersama Baginda. Apabila Baginda telah selesai dan orang ramai menunggu Baginda mengucapkan salam. Tiba-tiba Baginda bertakbir dalam keadaan duduk dan Baginda sujud sebanyak dua kali (sujud sahwi) sebelum salam. Setelah itu, Baginda mengucapkan salam.”

(Riwayat al-Bukhari [829], Muslim [570], Abu Daud [1034], al-Tirmizi [391], al-Nasaie [1177] dan Ibn Majah [1206])

Sujud sahwi adalah sebagai ganti kepada tasyahud awal yang ditinggalkan dengan sebab meninggalkan duduk tersebut. Sekiranya ia merupakan satu rukun, nescaya Baginda SAW pasti akan tetap melakukannya dan ia tidak tertampung dengan melakukan sujud sahwi.

- Selawat ke atas Nabi selepas tasyahud awal.
- Duduk untuk membaca tasyahud awal.

Ini bermakna ketiga-tiga perbuatan di atas adalah tiga perkara sunat yang berasingan, iaitu sunat duduk, sunat membaca tasyahud padanya dan sunat berselawat ke atas Nabi SAW.

- Membaca qunut ketika iktidal di rakaat kedua pada sembahyang subuh dan di akhir rakaat sembahyang witir selepas separuh daripada bulan Ramadan dan juga ketika iktidal di rakaat yang akhir pada mana-mana sembahyang yang dibaca Qunut Nazilah.

Qunut yang disunatkan ini boleh dilakukan bermula dengan memuji Allah Taala dan berdoa kepada-Nya dengan apa sahaja yang menyatakan seperti mahu dia. Tetapi yang sempurna ialah iltizam dengan doa yang dibaca oleh Rasulullah SAW sendiri.

Abu Daud (1425) meriwayatkan daripada Hasan bin Ali r.a. katanya: Rasulullah SAW mengajar aku beberapa kalimah yang aku bacakannya pada sembahyang witir, iaitu:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلَا يَعْزُ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ

Maksudnya: “Ya Allah, berilah aku petunjuk bersama orang yang Engkau beri petunjuk, berilah aku keselamatan bersama orang yang Engkau beri keselamatan, peliharalah aku bersama orang yang Engkau pelihara, berkatilah untukku pada apa yang Engkau kurniakan, lindungilah aku daripada kejahatan apa yang Engkau tetapkan, kerana sesungguhnya Engkau yang menetapkan dan tiada sesiapa yang boleh menetapkan atas-Mu. Sesiapa yang Engkau kasihi tidak akan terhina. Maha Berkat dan Maha Tinggi Engkau, wahai Tuhan kami.”

Para ulama menyatakan bahawa sunat menambahkan pada qunut itu:

فَلَاكُ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ نَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَنَتُوبُ إِلَيْكَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Bagi-Mu segala puji-pujian di atas segala ketetapan-Mu. Ya Allah, kami memohon keampunan dan bertaubat kepada-Mu. Selawat dan salam Allah ke atas penghulu kami Muhammad, seorang nabi yang ummi, dan ke atas keluarga serta sahabatnya.”

Ini berdasarkan hadis-hadis sahih yang menyebut tentang selawat ke atas Nabi SAW selepas berdoa dan berzikir.

Abu Daud (1428) juga meriwayatkan: Ubai bin Kaab r.a. telah menjadi imam kepada mereka, iaitu pada bulan Ramadan dan beliau telah membaca qunut pada separuh akhir daripada bulan Ramadan.

عَنْ مُحَمَّدٍ، عَنْ بَعْضِ أَصْحَابِهِ أَنَّ أَبِي بَنَ كَعْبٍ، أَمَّهُمْ - يَعْنِي فِي رَمَضَانَ - وَكَانَ يَقْنُتُ فِي النِّصْفِ الْآخِرِ مِنْ رَمَضَانَ .

Muhammad meriwayatkan daripada beberapa gurunya bahawa Ubai bin Kaab telah mengimami mereka dalam solat pada bulan Ramadan. Beliau biasa membaca doa qunut (dalam solat witir) pada separuh yang terakhir daripada bulan Ramadan.

Disunatkan mengangkat kedua-dua tangan ketika membaca qunut dengan menghalakan kedua-dua tapak tangan ke arah langit. Imam disunatkan membacanya dengan lafaz jamak, iaitu kata ganti ramai.

Sujud Sahwi

Jika terlupa lebih daripada satu sunat ab'ad, contohnya tertinggal doa qunut dalam solat subuh dan syak tentang bilangan rakaat yang dia telah laksanakan, maka sujud sahwi yang perlu dilaksanakan adalah tetap sebanyak dua kali sujud walaupun seseorang melakukan banyak sebab yang disunatkan ke atasnya sujud sahwi. Tidak perlu untuk menggandakan sujud sahwi mengikut bilangan kesilapan yang dilakukannya di dalam solat. Hal ini demikian kerana sujud sahwi yang dilakukannya tersebut sudah menampung semua sebab-sebab lain bagi solatnya tersebut.

Sekiranya terlupa atau sengaja meninggalkan sujud sahwi di akhir solat, maka ia tidak membatalkan solatnya. Hal ini demikian kerana sujud sahwi bagi sunat ab'ad adalah sunat dan digalakkan, namun tidak membatalkan solat jika tidak dilakukan.

Sunat Hai'at

Sunat Hai'at ialah sunat-sunat sembahyang yang sekiranya ditinggalkan, tidak disunatkan menampungnya kembali dengan sujud sahwi, berlawanan dengan sunat ab'ad. Contohnya:

- Mengangkat kedua-dua tangan ketika takbiratulihram, ketika rukuk dan bangkit daripadanya.

Caranya adalah dengan mengangkat kedua-dua tapak tangan dalam keadaan menghadap kiblat, terbuka jari-jarinya dan kedua-dua ibu jarinya bersetentangan dengan cuping telinga sambil menjadikan kedua-dua tapak tangannya terbuka, iaitu tidak diletakkan apa-apa kain di atasnya. Ini adalah sebagaimana riwayat daripada Ibn Umar r.huma., katanya:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ افْتَتَحَ التَّكْبِيرَ فِي الصَّلَاةِ، فَرَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ يُكَبِّرُ حَتَّى يَجْعَلَهُمَا حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ، وَإِذَا كَبَّرَ لِلرُّكُوعِ فَعَلَ مِثْلَهُ، وَإِذَا قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ، فَعَلَ مِثْلَهُ، وَقَالَ: رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ، وَلَا يَفْعَلُ ذَلِكَ حِينَ يَسْجُدُ، وَلَا حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ مِنَ السُّجُودِ

Maksudnya: “Aku melihat Nabi SAW memulakan solat dengan mengangkat takbir, dan Baginda mengangkat kedua-dua belah tangannya hingga setentang dengan paras kedua-dua bahunya, dan apabila Baginda bertakbir untuk rukuk Baginda melakukan seperti itu, dan apabila Baginda membaca ‘سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ’ Baginda juga berbuat demikian, dan membaca pula ‘رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ’. Namun, Baginda tidak berbuat demikian (mengangkat tangan) ketika ingin sujud dan tidak juga ketika bangun daripada sujud.”

(Riwayat al-Bukhari [738] dan Muslim [390] dengan sedikit perbezaan lafaz)

- Membaca doa iftitah selepas takbiratulihram

Disunatkan membacanya di awal permulaan sembahyang fardu dan sunat; sama ada bagi yang bersembahyang seorang diri, imam atau makmum, dengan syarat dia belum lagi memulakan bacaan Fatihah. Sekiranya bacaan Fatihah telah pun dimulakan (dan sebagaimana yang anda ketahui, bahawa Basmalah adalah satu ayat daripadanya) atau al-isti'azah telah dibaca (iaitu membaca (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ), maka luputlah sunat

membaca doa iftitah dan tidak harus dia membacanya kembali sekalipun dia tidak membacanya kerana terlupa. Tidak disunatkan membaca doa tersebut pada sembahyang jenazah dan sembahyang fardu yang telah sempit waktunya yang sekiranya dia sibuk membaca doa tersebut menyebabkan keluar waktu sembahyangnya.

- Meletakkan tangan kanan di atas bahagian belakang tangan kiri ketika berdiri.

Caranya adalah dengan meletakkan tangan kanan di atas belakang tapak dan pergelangan tangan kiri sambil memegangnya dengan jari-jari tangan kanan. Keadaan kedua-dua tangan tersebut diletakkan di bahagian bawah dada dan di atas dari pusat.

أَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ دَخَلَ فِي الصَّلَاةِ كَبَّرَ - وَصَفَ هَمَامَ حِيَالِ أَدْنَاهُ - ثُمَّ التَّحَفَ بِثَوْبِهِ ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى الْيُسْرَى

Diriwayatkan daripada Wa'il bin Hujr r.a., Beliau melihat Rasulullah SAW mengangkat kedua-dua tangannya ketika memulakan solat dan bertakbir. Menurut perawi bernama Hammam, Baginda mengangkat tangannya sehingga paras telinga. Kemudian, Baginda menyelubungkan tangannya dengan kain (atau jubahnya) dan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri.

(Sahih Muslim 401)

- Menyebut “Amin” ketika selesai bacaan al-Fatihah

Menyebut آمين adalah disunatkan bagi setiap orang yang bersembahyang. Ia diucapkan dengan nyaring pada sembahyang yang dibaca dengan nyaring dan diucap dengan perlahan pada sembahyang yang dibaca dengan perlahan. Makmum mengucapkannya dengan nyaring kerana mengikut imam. Makna آمين ialah perkenankanlah wahai Tuhanku.

Al-Imam Bukhari (748) dan Muslim (410) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قَالَ أَحَدُكُمْ وَفِي رِوَايَةٍ عِنْدَ مُسْلِمٍ فِي الصَّلَاةِ أَمِينَ وَقَالَتِ الْمَلَائِكَةُ فِي السَّمَاءِ أَمِينَ فَوَافَقَتْ إِحْدَاهُمَا الْآخَرَى غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Apabila seseorang kamu mengucapkan (menurut riwayat di sisi Muslim: dalam sembahyang) kalimah آمين dan malaikat di langit menyebut آمين lalu bersamaan antara kedua-duanya menyebut آمين, maka diampunkan dosanya yang telah lalu.

- Membaca surah daripada ayat al-Quran selepas Fatihah

Perkara sunat ini akan terlaksana dengan membaca satu surah daripada al-Quran sekalipun pendek atau dengan hanya membaca tiga ayat yang berturut-turut.

Ia hanya disunatkan pada dua rakaat pertama sahaja dalam setiap sembahyang dan ia disunatkan kepada imam atau orang yang sembahyang berseorangan secara mutlak. Ia juga disunatkan kepada makmum ketika sembahyang yang bacaannya dibaca dengan perlahan atau makmum itu berada jauh daripada imam hingga dia tidak mendengar bacaan imamnya.

Disunatkan membaca pada sembahyang subuh dan zuhur surah-surah yang agak panjang seperti al-Hujurat, ar-Rahman. Manakala sembahyang asar dan isyak disunatkan membaca surah-surah yang sederhana panjangnya seperti surah as-Syams. Surah-surah yang pendek seperti surah al-Ikhlâs disunatkan membacanya pada sembahyang maghrib. Semua itu berdasarkan kepada hadis daripada Abu Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

مَا صَلَّيْتُ وَرَاءَ أَحَدٍ أَشْبَهَ صَلَاةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فُلَانٍ. قَالَ سُلَيْمَانُ: صَلَّيْتُ خَلْفَهُ فَكَانَ يُطِيلُ الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ وَيَخْفَفُ الْآخَرَتَيْنِ وَيَخْفَفُ الْعَصْرَ وَيَقْرَأُ فِي الْمَغْرِبِ بِقِصَارِ الْمُفْصَلِ وَيَقْرَأُ فِي الْعِشَاءِ بَوْسَطِ الْمُفْصَلِ وَيَقْرَأُ فِي الصُّبْحِ بِطَوَالِ الْمُفْصَلِ.

Maksudnya: "Sulaiman bin Yasar meriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa beliau berkata: "Aku tidak pernah solat di belakang seseorang pun yang cara solatnya paling

menyerupai solat Rasulullah SAW selain daripada si fulan.” Sulaiman berkata bahawa beliau pernah solat di belakangnya, dan dia (imam tersebut) memanjangkan dua rakaat pertama solat zuhur, memendekkan dua rakaat terakhirnya, memendekkan bacaan pada solat asar, membaca surah-surah pendek daripada al-Mufassal dalam solat maghrib, surah-surah pertengahan daripada al-Mufassal dalam solat isyak dan surah-surah panjang daripada al-Mufassal dalam solat subuh.”

(Riwayat an-Nasaie [982] dan Ibnu Majah [827])

Disunatkan membaca pada rakaat pertama, ayat yang lebih panjang daripada ayat yang dibaca pada rakaat kedua. Hukum ini meliputi semua jenis sembahyang. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari (725) dan Muslim (451): Nabi SAW memanjangkan (bacaan ayat al-Quran) pada rakaat pertama dan memendekkannya pada rakaat kedua.

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ وَسُورَةٍ
وَيُسْمِعُنَا الْآيَةَ أحياناً وَيَقْرَأُ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْآخِرَتَيْنِ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ .

Diriwayatkan oleh Abu Qatadah r.a. daripada ayahnya: Rasulullah SAW membaca surah al-Fatihah dan satu surah lain pada dua rakaat pertama dalam solat zuhur dan asar. Kadang-kadang Baginda membaca dengan suara yang sedikit kuat sehingga kami dapat mendengar satu ayat daripadanya, dan pada dua rakaat terakhir, Baginda hanya membaca surah al-Fatihah sahaja.

- Melihat ke tempat sujud.

Makruh meliarkan pandangan ke sekelilingnya, melihat ke atas atau sesuatu yang berada di hadapannya walaupun Kaabah. Bahkan disunatkan supaya sentiasa mengarahkan pandangannya ke tempat sujud melainkan ketika membaca tasyahud. Ketika itu, pandangannya hendaklah ditumpukan kepada jari telunjuknya yang dijadikan isyarat ketika membaca tasyahud.

Hal ini berdalilkan antara lain hadis berikut yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aisyah r.ha.:

دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْكَعْبَةَ وَمَا خَلَفَ بَصَرُهُ مَوْضِعَ سَجُودِهِ حَتَّى خَرَجَ مِنْهَا

Maksudnya: “Rasulullah SAW masuk ke dalam Kaabah dan solat di dalamnya; penglihatan Baginda tidak terlepas daripada melihat ke tempat sujudnya sehinggalah Baginda keluar dari Kaabah.”

(Riwayat al-Hakim [1/652] dan Ibn Hibban [4/332])

- Membaca dengan kuat dan perlahan di tempat-tempat tertentu.

Tempat-tempat yang disunatkan membaca dengan nyata dan kuat adalah pada dua rakaat sembahyang subuh, dua rakaat pertama sembahyang maghrib dan isyak, sembahyang Jumaat, sembahyang kedua-dua hari raya, sembahyang gerhana bulan, sembahyang istisqa' atau minta hujan, tarawih dan witir di bulan Ramadan. Kesemuanya itu disunatkan sama ada bagi sembahyang berjemaah atau sembahyang seorang diri. Manakala sembahyang yang lain daripada itu disunatkan membaca dengan perlahan.

Al-Imam Bukhari (738) dan Muslim (396) meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a. bahawa dia berkata:

فَمَا أَسْمَعَنَا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْمَعَنَاكُمْ وَمَا أَخْفَى مِنَّا أَخْفَيْنَاهُ مِنْكُمْ

Maksudnya: *Bacaan yang kami dengar daripada Rasulullah ﷺ, kami juga perdengarkan kepada kamu (secara jahr). Dan bacaan yang Baginda baca secara perlahan kepada kami, kami juga bacakan secara perlahan untuk kamu.*

Hadis riwayat Al-Bukhari (735) dan Muslim (463) daripada Jubair bin Mut'im r.a. bahawa dia berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ بِالطُّورِ فِي الْمَغْرِبِ.

Maksudnya: “Aku mendengar Rasulullah SAW membaca surah at-Tur ketika sembahyang maghrib.”

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW menyaringkan bacaannya agar ia dapat didengari oleh mereka yang hadir.

- Mengucap takbir ketika berpindah dari satu rukun ke satu rukun.

Takbiratul intiqal ialah takbir yang diucapkan ketika perpindahan antara rukun melainkan apabila bangkit daripada rukuk tidak disunatkan untuk bertakbir akan tetapi mengucapkan “سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ” sebagai gantinya. (Lihat *al-Fiqh al-Manhaji*, 1/153).

Apabila mula bersembahyang dan bertakbir dengan takbiratulihram, maka disunatkan mengucap takbir seumpamanya setiap kali berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain, kecuali ketika bangkit daripada rukuk. Ketika itu disunatkan membaca سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، رَبَّنَا (Allah mendengar mereka yang memuji-Nya. Tuhan kami, dan bagi-Mu segala pujian) sebagai ganti kepada takbir.

Antaranya hadis daripada riwayat Abu Hurairah r.a. bahawa:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ يُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرُكْعُ ثُمَّ يَقُولُ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ حِينَ يَرْفَعُ صُلْبَهُ مِنَ الرُّكُوعِ ثُمَّ يَقُولُ: وَهُوَ قَائِمٌ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَهْوِي سَاجِدًا، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَسْجُدُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ، ثُمَّ يَفْعَلُ مِثْلَ ذَلِكَ فِي الصَّلَاةِ كُلِّهَا حَتَّى يَقْضِيَهَا وَيُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ مِنَ الْمُنْتَهَى بَعْدَ الْجُلُوسِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW apabila mendirikan solat, Baginda akan bertakbir ketika berdiri, kemudian bertakbir ketika rukuk, kemudian mengucapkan, ‘سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ’ ketika mengangkat tulang rusuknya dari rukuk, kemudian Baginda membaca dalam keadaan berdiri رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ kemudian Baginda bertakbir ketika turun sujud, kemudian bertakbir ketika mengangkat kepalanya, kemudian bertakbir ketika sujud, kemudian bertakbir ketika mengangkat kepalanya, kemudian melakukan seperti itu dalam solat semuanya hingga menyelesaikannya, dan bertakbir ketika berdiri daripada rakaat kedua setelah duduk.”

(Riwayat Muslim [392])

Hadis di atas mengandung pengisbatan takbir dalam setiap perbuatan turun dan naik dalam solat melainkan ketika bangun daripada rukuk kerana ketika itu Baginda mengucapkan, “سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ”. Selain itu, menurut Imam al-Nawawi, takbiratulihram hukumnya adalah wajib, manakala takbir selainnya pula adalah sunat. Jika ditinggalkan, solatnya masih lagi dianggap sah tetapi dia telah terlepas daripada mendapat ganjaran dan kelebihannya. Pendapat yang menyatakan hukumnya adalah sunat merupakan pendapat keseluruhan ulama kecuali Imam Ahmad bin Hanbal dalam salah satu riwayatnya menyatakan bahawa semua takbir hukumnya adalah wajib. (Lihat *al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim*, 4/98).

Begitu juga riwayat daripada Ibn Mas‘ud r.a., katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكَبِّرُ فِي كُلِّ خَفْضٍ وَرَفْعٍ وَقِيَامٍ وَقُعُودٍ، وَأَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا

Maksudnya: “Rasulullah SAW bertakbir dalam setiap perbuatan turun, naik, berdiri dan duduk (dalam solat). Begitulah juga Abu Bakar dan Umar r.huma. (turut melakukannya).”

(Riwayat al-Tirmizi [253] dan beliau menilainya hasan sahih)

- Membaca tasbih ketika rukuk dan sujud

Caranya adalah apabila dia telah tetap/tenang dalam keadaan rukuk, maka ia berkata: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ (Maha suci Tuhanku yang Maha Agung dan segala puji bagi-Nya) sebanyak 3 kali, dan ketika sujud ia membaca: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ (Maha Suci Tuhanku yang Maha Tinggi dan segala puji bagi-Nya) sebanyak 3 kali. Ini adalah sekurang-kurang darjat kesempurnaan dan sekiranya dibaca lebih daripada 3 kali, maka ia adalah lebih afdal.

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ لَمَّا نَزَلْتُ فَسَبَّحْتُ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اجْعَلُوهَا فِي رُكُوعِكُمْ فَلَمَّا نَزَلْتُ سَبَّحْتُ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى قَالَ اجْعَلُوهَا فِي سُجُودِكُمْ

Maksudnya: *Daripada Uqah bin Amir r.a. berkata: “Bahawa ketika turun ayat fasabbih bismi rabbika al-‘azhimi, Rasulullah SAW bersabda: ‘Jadikanlah ia bacaan pada rukuk kalian!’ Dan, ketika turun ayat sabbihisma rabbik al-a’la, Rasulullah bersabda: ‘Jadikanlah ia bacaan pada sujud kalian!’”*

(Riwayat Abu Daud [689])

HUKUM MEMBACA BACAAN RUKUK KETIKA SUJUD ATAU SEBALIKNYA

Berkata Imam Sulaiman Al-Jamal: *“Adapun sekiranya seseorang mengulangi rukun qauli pada bukan tempatnya, maka dia perlu menggantikannya dengan sujud sahwi. Dan sekiranya seseorang memindahkan bacaan sunat-sunat haiat pada bukan tempatnya, maka dia tidak perlu menggantikannya dengan sujud sahwi.”* (Rujuk: Hasyiyah al-Jamal, 1/451)

Justeru, dapatlah difahami bahawa bacaan tasbih ketika rukuk dan sujud adalah bukan rukun qauli kerana termasuk dalam sunat haiat. Jadi, jika seseorang yang memindahkan bacaan tasbih rukuk atau sujud pada bukan tempatnya, maka solatnya tetap sah dan dia tidak perlu menggantikannya dengan sujud sahwi.

- Meletakkan kedua-dua tangan di atas permukaan kedua-dua paha ketika duduk membaca tasyahud awal dan akhir.

Caranya adalah dengan menghulurkan jari-jari tangan kiri di samping merapatkan (menghimpunkan) jari-jarinya antara satu sama lain dengan hujung jari-jari tersebut berada di hujung kepala lutut. Manakala jari tangan kanan dilipat (digenggam) melainkan jari telunjuk. Jari telunjuk dikeluarkan dalam keadaan direndahkan ketika awal bacaan tasyahud, kemudian diangkat sebagai isyarat kepada keesaan dan keagungan Allah ketika sampai kepada bacaan *أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*. Disunatkan mengekalkannya dalam keadaan begitu tanpa menggerak-gerakkannya hingga selesai sembahyang.

Imam Muslim (580) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. berkenaan dengan sifat duduk Rasulullah SAW ketika sembahyang, dia berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا جَلَسَ فِي الصَّلَاةِ وَضَعَ يَدَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ وَرَفَعَ إصْبَعَهُ الْيُمْنَى الَّتِي تَلِي الْإِبْهَامَ فَدَعَا بِهَا وَيَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُسْرَى بِاسِطُهَا عَلَيْهَا.

Maksudnya: “Apabila Rasulullah SAW duduk untuk tasyahud, Baginda meletakkan tangan kirinya di atas lutut kiri dan tangan kanannya di atas lutut kanan. Baginda kemudian mengangkat jari telunjuknya (iaitu jari di sebelah ibu jari) sambil berdoa dengan cara demikian, dan melunjurkan tangan kirinya di atas lutut kiri.”

- Duduk tawarruk ketika duduk yang akhir, iaitu ketika membaca tahiyat akhir dan duduk iftirasy pada tempat selainnya.

Cara duduk tawarruk ialah orang yang bersembahyang duduk di atas tulang punggung kirinya sambil mendirikan kaki kanannya dan memasukkan kaki kiri ke bawah kaki kanannya. Manakala cara duduk iftirasy adalah dengan duduk di atas buku lali kaki kirinya dan mendirikan kaki kanannya di atas hujung jari-jarinya.

Mazhab Syafi'i berpendapat bahawa tidak ditentukan cara duduk yang menjadikannya sah pada tempat-tempat ini, iaitu duduk antara dua sujud, duduk tasyahud akhir dan duduk tasyahud awal. Bahkan apa cara duduk yang ditemui maka sah, sama ada *tawarruk* atau *iftirasy*, menjulurkan kaki atau menegakkan kedua-dua lututnya, atau salah satu daripada kedua-duanya, atau bentuk lain selain itu. Tetapi yang menepati sunnah adalah dengan duduk tawarruk di akhir solat, dan duduk iftirasy selain daripada duduk akhir solat.

Namun, hendaklah diraikan juga keadaan sekeliling semasa duduk tersebut. Sekiranya keadaan saf itu sempit, walhal duduk secara *tawarruk* ketika tasyahud akhir itu hanya akan menyempitkan lagi ruang selain akan mengganggu jemaah yang berada di sebelahnya, maka pada ketika itu duduklah secara *iftirasy* pada tasyahud akhir.

- Membaca Selawat Ibrahimiyah dan doa selepas tasyahud akhir.

Sebagaimana yang telah diketahui dalam perbahasan sebelum ini bahawa berselawat ke atas Nabi SAW adalah rukun yang mesti dibaca ketika duduk di tasyahud akhir. Rukun tersebut sah dengan mana-mana lafaz selawat ke atas Nabi SAW. Manakala hukum selawat Ibrahimiyah adalah sunat.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Setelah selesai membacanya, disunatkan pula berdoa memohon perlindungan dengan Allah daripada azab kubur, azab neraka atau berdoa untuk dirinya dengan apa sahaja doa yang dikehendaki dengan syarat doanya itu tidak panjang melebihi kadar bacaan tasyahud akhir dan selawat ke atas Nabi SAW.

Daripada Ali bin Abi Thalib r.a. berkata bahawa apabila Rasulullah SAW bangun pada waktu malam untuk menunaikan solat malam (qiamullail), Baginda akan membaca:

ثُمَّ يَكُونُ مِنْ آخِرِ مَا يَقُولُ بَيْنَ التَّسْبِيحِ وَالتَّسْلِيمِ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَسْرَفْتُ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: “Kemudian apa yang dibaca di antara tasyahud dan juga salam adalah: ‘Ya Allah, ampunilah (dosa) aku yang telah aku lakukan dan yang aku telah tangguhkan. Dan apa yang telah aku rahsiakan serta apa yang telah aku zahirkan. Dan apa yang telah aku bazirkan, sesungguhnya Engkau lebih mengetahuinya lebih daripadaku. Engkau yang mendahului serta Engkau yang mengakhirkan. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau.’”

(Riwayat Muslim [771])

- Memberi salam kedua, iaitu sebelah kiri

Telah dinyatakan bahawa salam yang pertama adalah rukun, iaitu ketika memalingkan muka ke arah kanan. Apabila seseorang melakukannya, bermakna berakhirnya semua rukun dan perkara-perkara yang wajib dalam sembahyang. Walau bagaimanapun, disunatkan melakukan penambahan, iaitu memberi salam yang kedua dalam keadaan berpaling ke arah kiri.

14. Sentiasa khusyuk di sepanjang sembahyang.

Makna khusyuk ialah hati sentiasa dalam keadaan sedar dan ingat akan bacaan-bacaan, zikir-zikir dan doa-doa yang diulang-ulangi oleh lidah di samping mentadabbur maknanya dan merasakan bahawa dirinya sedang bermunajat dengan Allah.

Sebenarnya, khusyuk mesti wujud pada satu juzuk daripada juzuk-juzuk sembahyang. Apabila seseorang lalai di sepanjang sembahyang dari awal hingga akhir, maka sembahyangnya batal. Manakala berterusan dalam keadaan khusyuk di sepanjang sembahyang, ia adalah sunnah yang menyempurnakan.

Imam Muslim (228) meriwayatkan daripada Othman r.a. dia berkata: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ أَمْرٍ مُسْلِمٍ تَحْضُرُهُ صَلَاةٌ مَثُوبَةٌ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهَا وَخُشُوعَهَا وَرُكُوعَهَا إِلَّا كَانَتْ كَفَّارَةً لِمَا قَبْلَهَا
مِنَ الذُّنُوبِ مَا لَمْ يُؤْتِ كَبِيرَةً وَذَلِكَ الدَّهْرُ كُلُّهُ

Maksudnya: *‘Tidaklah seorang Muslim apabila datang waktu sembahyang fardu, lalu dia memperelokkan (menyempurnakan) wuduknya, khusyuknya dan rukuknya (sembahyangnya), melainkan ia menjadi penghapus kepada dosa-dosanya yang lalu (dosa-dosanya diampunkan) selagi dia tidak melakukan dosa besar. Penghapusan itu berlaku sepanjang masa.’*”

Maksud “penghapusan itu adalah sepanjang masa” ialah dosa-dosanya yang kecil terhapus sepanjang masa disebabkan sembahyang yang berterusan sepanjang hayat kerana sembahyang dilakukan berulang-ulang kali setiap hari.

Inilah antara sunat-sunat yang kesemuanya dinamakan sunat haiah. Sekiranya orang yang bersembahyang meninggalkannya, maka dia tidak disunatkan menampungnya kembali dengan sujud sahwi.

Jika ia tetap dilakukan, maka solat adalah terbatal. Kata Imam al-Nawawi:

فَلَا يَسْجُدُ لَهَا سَوَاءٌ تَرَكَهَا عَمْدًا أَوْ سَهْوًا لِأَنَّهُ لَمْ يُنْقَلْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ السُّجُودُ لَشَيْءٍ مِنْهَا وَالسُّجُودُ زِيَادَةٌ فِي الصَّلَاةِ فَلَا يَجُوزُ إِلَّا بِتَوْقِيفٍ

Maksudnya: Seseorang itu tidak perlu sujud sahwi sama ada jika dia meninggalkannya secara sengaja atau kerana terlupa. Hal ini demikian kerana tiada riwayat daripada Rasulullah SAW berkenaan sujud kerana meninggalkan perkara-perkara tersebut. Sujud sahwi merupakan satu perkara tambahan dalam solat dan ia tidak boleh dilakukan melainkan melalui penetapan oleh Baginda SAW sendiri.

Kata Syeikh Sa'id Ba'isyin:

وإنما تُسَنُّ (بِأَحَدِ أَسْبَابِ ثَلَاثَةٍ)، بِلِ خَمْسَةٍ: تَرَكَ بَعْضُ، وَنَقَلَ قَوْلِي غَيْرِ مُبْطِلٍ، وَزِيَادَةُ فِعْلٍ يَبْطُلُ عَمْدُهُ فَقَطْ، وَالشَّكُّ فِي تَرَكَ بَعْضٍ، وَإِيقَاعُ فِعْلٍ مَعَ التَّرَدُّدِ فِي زِيَادَتِهِ. فَإِنْ سَجَدَ لِغَيْرِ ذَلِكَ.. بَطَلَتْ صَلَاةٌ غَيْرُ الْجَاهِلِ الْمَعْذُورِ بِنَحْوِ قَرَبِ عَهْدٍ بِالْإِسْلَامِ

Maksudnya: *Sujud sahwi itu hanya disunatkan jika berlaku salah satu daripada tiga perkara bahkan lima (menurut Syeikh Ba'isyin), iaitu: Meninggalkan sunat ab'adh, memindahkan rukun qauli yang tidak menyebabkan batal solat, menambah perbuatan yang membatalkan solat jika dilakukan secara sengaja, rasa syak pada meninggalkan sunat ab'adh dan melakukan suatu perbuatan solat bersama rasa syak berlakunya penambahan padanya. Jika seseorang itu sujud selain daripada perkara tersebut, solatnya batal kecuali bagi orang jahil yang dimaafkan, contohnya orang yang baru sahaja memeluk Islam.*

PERKARA SUNAT SELEPAS SELESAI MENGERJAKAN SEMBAHYANG

- Istighfar, zikir dan doa

Imam Muslim (591) meriwayatkan: Apabila Nabi SAW selesai daripada sembahyangnya, Baginda beristighfar kepada Allah (memohon ampun daripada-Nya) sebanyak tiga kali dan Baginda membaca:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, Engkaulah Tuhan as-Salam, Daripada-Mu lah as-Salam (kedamaian dan keselamatan), Maha Suci Engkau wahai Tuhan yang memiliki kebesaran dan kemuliaan.

Imam Muslim (596) meriwayatkan daripada Kaab bin Ujrah r.a. bahawa Nabi SAW bersabda:

مُعَقَّبَاتٌ لَا يَخِيبُ قَائِلُهُنَّ - أَوْ فَاعِلُهُنَّ - دُبُرُ كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ ثَلَاثٌ وَثَلَاثُونَ تَسْبِيحَةً وَثَلَاثٌ وَثَلَاثُونَ تَحْمِيدَةً وَأَرْبَعٌ وَثَلَاثُونَ تَكْبِيرَةً

Maksudnya: “Terdapat beberapa zikir yang sesiapa mengamalkannya selepas setiap solat fardu tidak akan sia-sia (akan diberi ganjaran yang besar di sisi Allah Taala). Zikir-zikir tersebut ialah bertasbih 33 kali, bertahmid 33 kali dan bertakbir 33 kali.”

Terdapat hadis lain yang berbunyi:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَ بِيَدِهِ وَقَالَ " يَا مُعَاذُ وَاللَّهِ إِنِّي لَأُحِبُّكَ وَاللَّهِ إِنِّي لَأُحِبُّكَ " . فَقَالَ " . أَوْصِيكَ يَا مُعَاذُ لَا تَدَعَنَّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ تَقُولُ اللَّهُمَّ أَعْنِي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ "

Diriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ memegang tangan Mu‘az bin Jabal r.a., lalu Baginda bersabda: “Wahai Mu‘az, demi Allah, sesungguhnya aku benar-benar mencintaimu. Demi Allah, aku benar-benar mencintaimu.” Kemudian Baginda bersabda: “Wahai Mu‘az, janganlah engkau tinggalkan untuk mengucapkan selepas setiap solat:

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

“Ya Allah, bantulah aku untuk mengingat-Mu, mensyukuri-Mu dan melakukan ibadah yang baik kepada-Mu.”

- Berpindah tempat dari tempat sembahyang fardu ketika hendak menunaikan sembahyang sunat.

Ini dilakukan bagi membanyakkan tempat-tempat sujud kerana kesemuanya itu akan menjadi saksi untuknya. Lebih afdal apabila sembahyang fardu di masjid, maka sembahyang sunat dilakukan di rumah.

Al-Imam Bukhari (698) dan Muslim (781) meriwayatkan daripada Nabi SAW bahawa Baginda bersabda:

فَصَلُّوا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ فَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ صَلَاةُ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلَّا الْمَكْتُوبَةَ

Maksudnya: *“Sembahyanglah kamu wahai manusia di rumah-rumah kamu. Sesungguhnya sembahyang yang lebih afdal ialah sembahyang seseorang itu di rumahnya kecuali sembahyang yang diwajibkan.”*

Imam Muslim (778) meriwayatkan, Nabi SAW bersabda:

إِذَا قَضَى أَحَدُكُمْ صَلَاتَهُ فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَجْعَلْ لِبَيْتِهِ نَصِيبًا مِنْ صَلَاتِهِ فَإِنَّ اللَّهَ جَاعِلٌ مِنْ صَلَاتِهِ خَيْرًا

Maksudnya: *“Apabila seseorang kamu telah selesai sembahyang di masjid, maka dirikanlah juga sembahyang di rumahnya. Sesungguhnya Allah menjadikan daripada sembahyangnya itu kebaikan.”*

PERKARA MAKRUH KETIKA SOLAT

Makruh ialah semua perkara yang jika ditinggalkan oleh orang yang bersembahyang kerana patuh kepada perintah Allah akan diberi pahala dan tidak berdosa jika dia melakukannya. Antara perkara tersebut ialah:

- Memalingkan leher ketika sembahyang kecuali kerana keperluan.

Hukum makruh ini berlaku jika tengkuk berpaling berlaku dengan. Sekiranya ia berlaku dengan dada lalu berpaling dari arah kiblat, maka sembahyangnya batal kerana meninggalkan rukun mengadap kiblat. Manakala jika berkerling dengan mata tanpa berpaling, itu tidak mengapa.

Abu Daud (909) dan lainnya meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَزَالُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مُقْبِلًا عَلَى الْعَبْدِ وَهُوَ فِي صَلَاتِهِ مَا لَمْ يَلْتَفِتْ فَإِذَا اَلْتَفَتَ اَنْصَرَفَ اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: “Allah Azzawajalla sentiasa mengadap hamba-Nya secara berdepan ketika sembahyang selagi hamba-Nya tidak berpaling. Sekiranya hamba-Nya berpaling, maka Allah berpaling daripadanya.”

Nabi SAW telah menjelaskan hakikat berpaling dalam hadis:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْاِلْتِفَاتِ فِي الصَّلَاةِ فَقَالَ: «هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ»

Maksudnya: Diriwayatkan daripada ‘Aisyah r.h.a., beliau berkata: “Aku pernah bertanya kepada Rasulullah ﷺ tentang menoleh ke sisi ketika sedang solat, maka Baginda bersabda: ‘Itu adalah sesuatu yang dicuri oleh syaitan daripada solat seorang hamba.’”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- Mengangkat Pandangan ke Atas

Al-Bukhari (717) meriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a., bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا بَالُ أَقْوَامٍ يَرْفَعُونَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِي صَلَاتِهِمْ؟ ثُمَّ قَالَ لَيَنْتَهُنَّ عَنْ ذَلِكَ أَوْ لَتُخْطَفَنَّ أَبْصَارُهُمْ

Maksudnya: *“Bagaimana ada orang yang mengangkat pandangan mata mereka ke langit semasa solat?”* Kemudian Baginda menambah, *‘Orang-orang mesti menjauhi daripada mengangkat pandangan mata ke langit ketika solat, jika tidak penglihatan mereka pasti akan dirampas.’*”

Imam Muslim (428 & 429) juga meriwayatkan hadis seumpama itu daripada Jabir bin Samrah dan Abi Hurairah r.a..

لَيَنْتَهُيَنَّ أَقْوَامٌ يَرْفَعُونَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِي الصَّلَاةِ أَوْ لَا تَرْجِعْ إِلَيْهِمْ

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Jabir bin Samurah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Orang-orang yang memandang ke langit ketika solat hendaklah meninggalkannya, atau mereka akan kehilangan penglihatan mereka.”*

- Bermain-main dengan rambut (mengurai-uraikannya) dan menyingsing hujung baju ketika sembahyang.

Al-Bukhari (777) dan Muslim (490) meriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظَمَ وَلَا أَكْفَ نَوْبًا وَلَا شَعْرًا

Maksudnya: *“Aku diperintah supaya sujud di atas tujuh anggota dan aku tidak bermain-main pakaian dan mengurai-uraikan rambut.”*

- Sembahyang ketika makanan telah dihidangkan yang mana hatinya teringin memakannya.

Hukumnya makruh kerana hatinya tertumpu kepada makanan tersebut yang menyebabkan hilangnya khusyuk ketika sembahyang. Al-Bukhari (642) dan Muslim (559) meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا وُضِعَ عَشَاءٌ أَحَدِكُمْ وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَأَبْدَعُوا بِالْعِشَاءِ وَلَا يَعْجَلْ حَتَّى يَفْرَعَ مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila makanan malam seseorang kamu telah dihidangkan, di waktu yang sama sembahyang hendak didirikan, maka mulakan dengan makan dan janganlah dia gopoh untuk sembahyang hingga selesai memakannya.”

- Sembahyang dalam keadaan menahan kencing dan air besar

Solat dalam keadaan menahan kencing atau najis adalah makruh kerana keadaan ini menghalang seseorang daripada khusyuk dan sepenuhnya menghadirkan diri dalam solat yang merupakan hak solat itu sendiri. Imam Muslim (560) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ الطَّعَامِ وَلَا هُوَ يُدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ

Maksudnya: “Tidak sempurna sembahyang di hadapan makanan dan dalam keadaan dia menahan daripada kencing dan buang air besar.”

Hukum menahan kentut ketika solat juga adalah makruh apabila masih terdapat keluasan waktu. Situasi tersebut boleh mengganggu kekhusyukan solat. Walau bagaimanapun, disunatkan untuk mengulangi solat tersebut. Sementara itu, solat di penghujung waktu, iaitu di waktu solat hampir tamat tetap perlu diteruskan bagi menghormati serta memelihara waktunya walau dalam keadaan tahan kentut dan tidak makruh hukumnya.

- Sembahyang dalam keadaan terlalu mengantuk.

Hal ini demikian kerana keadaan tersebut tidak menjamin bacaan yang betul dan boleh membawa kepada lupa ketika sembahyang. Al-Bukhari (209) dan Muslim (786) meriwayatkan daripada Aisyah r.ha. bahawa dia berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ يُصَلِّي فَلْيَرْقُدْ حَتَّى يَذْهَبَ عَنْهُ النَّوْمُ فَإِنْ أَحَدَكُمْ إِذَا صَلَّى وَهُوَ عَسَانَا عَسَ لَعَلَّهُ يَذْهَبُ
يَسْتَغْفِرُ فَيَسْبُ نَفْسَهُ

Maksudnya: “Apabila seseorang kamu berasa mengantuk sedangkan dia ingin sembahyang, maka hendaklah dia tidur terlebih dahulu hingga hilang mengantuknya. Sesungguhnya seseorang kamu apabila sembahyang dalam keadaan mengantuk, boleh jadi dia ingin beristighfar tapi dia mencaci dirinya sendiri.”

- Sembahyang di tempat yang kurang sesuai.

Sembahyang di bilik air, jalan, pasar, kawasan perkuburan, gereja, tempat sampah, tempat unta duduk adalah tidak digalakkan. Hal ini demikian kerana sebahagian tempat tersebut mungkin mengandungi najis, manakala sebahagian yang lain boleh mengganggu kekhusyukan solat. Hal ini boleh dilihat pada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a.:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ يُصَلَّى فِي سَبْعَةِ مَوَاطِنَ : فِي الْمَرْبَلَةِ ، وَالْمَجْزَرَةِ ، وَالْمَقْبَرَةِ ،
وَقَارِعَةِ الطَّرِيقِ ، وَفِي الْحَمَامِ ، وَفِي مَعَاظِنِ الْإِبِلِ ، وَفَوْقَ ظَهْرِ بَيْتِ اللَّهِ.

Maksudnya: Bahawa Rasulullah SAW telah melarang daripada melakukan sembahyang di tujuh tempat, iaitu: Dalam tempat buangan sampah, di tempat sembelihan, di atas kubur, di tempat lalu lalang, dalam bilik mandi, di tempat rehat unta dan di atas (sutuh) Baitullah.”

(Riwayat at-Tarmizi [346])

PENUTUP

Sebagai penutup, memahami perkara yang sunat, makruh dan membatalkan solat amat penting agar ibadah kita sentiasa berada dalam keadaan yang paling sempurna. Perkara sunat membantu menambah kesempurnaan dan khusyuk, perkara makruh perlu dijaui agar kualiti solat tidak berkurang, manakala perkara yang membatalkan solat mesti dikenali supaya solat terpelihara daripada rosak dan tidak sah.

Semoga dengan penjelasan ini, kita dapat memperbaiki solat dari semasa ke semasa dan moga Allah SWT memberikan kita kefahaman dan kekuatan untuk menjaga solat dengan sebaiknya.

BAHAGIAN C: SENARAI RUJUKAN

1. *Dr Mustafa al-Khin. Fiqh Manhaji Ala al-Mazhab al-Imam al-Syafie.*
2. *Fiqh Solat: Perbandingan 4 Mazhab Berserta Dalil-dalilnya. Al Kahfi Services*
3. *Haji Idris Ahmad S.H. Fiqh Syafii Jilid 1. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.*
4. *Jabatan Mufti Negeri Selangor.*
5. *Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.*
6. *Mohd Muhiden Abd Rahman. Fiqh al-Hadith Syarah Bulugh al-Maram: Solat.*
7. *Prof. Madya Dr. Taufik Ismail & Fuad Ismail. Soal Jawab Solat Mengikut Mazhab yang Empat. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.*